



قليتا بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 32 BILANGAN 39

RABU 30 SEPTEMBER, 1987.

رابو 6 صفر 1408

PERCUMA

K'sama ekonomi yang efektif
di bidang pertanian perlu

TINGKATKAN TARAF HIDUP RAKYAT — titah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah kerjasama ekonomi yang efektif dalam bidang-bidang pertanian adalah perlu untuk mempertingkatkan taraf hidup rakyat.

Majoriti besar rakyat ASEAN bergantung ke atas pertanian bagi kehidupan mereka sebagai peladang. Kebanyakan peladang tersebut, titah baginda, mempunyai hasil pendapatan yang lebih rendah dari mereka yang bekerja di sektor-sektor ekonomi yang lain dan lebih menyedihkan lagi kebanyakan dari peladang-peladang tersebut hidup di bawah paras kemiskinan.

OLEH TIMBANG BAKAR

"Faktor-faktor yang menyebabkan wujudnya keadaan tersebut antara lainnya ialah produktiviti yang rendah, harga-harga komoditi yang tidak stabil, dasar perlindungan yang tidak mencukupi dan strategi pemasaran yang tidak efisien," titah baginda menjelaskan.

Untuk membetulkan keadaan tersebut Kebawah Duli Yang Maha Mulia menyeru agar usaha-usaha hendaklah dilaksanakan secepat mungkin.

"Kerjasama kita di bidang pertanian hendaklah dihasratkan bagi mendapatkan hasil pendapatan yang lebih baik bagi peladang-peladang dengan memberikan jaminan bekalan makanan yang mencukupi serta kemajuan pertanian yang seimbang di rantau ini," titah baginda.

Menurut titah baginda, ini boleh dicapai melalui berbagai projek usahasama yang

melibatkan sektor swasta, memberi latihan kepada para peladang dan nelayan untuk mempertingkatkan kemahiran mereka, memajukan hasil-hasil keluaran pertanian yang ditambah nilainya, membaiki bantuan-bantuan infrastruktur kepada peladang-peladang, pelaburan dalam bidang penyelidikan dan perkembangan pertanian, per-

Lagi gambar-gambar
disiarkan di muka
12 dan 13

Lihat muka 7



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika melafazkan titah di pembukaan rasmi Persidangan Menteri-Menteri Pertanian dan Perhutanan ASEAN kali ke-9 yang berlangsung di Pusat Dakwah Islamiyah. — Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.

Beberapa persetujuan penting dicapai

BANDAR SERI BEGAWAN. — Mesyuarat Menteri-Menteri Pertanian dan Perhutanan ASEAN ke-9 yang berlangsung di negara ini dari 21 hingga 26 September lepas telah mencapai beberapa persetujuan dan kerjasama di bidang ekonomi pertanian, perhutanan dan perikanan yang dihasratkan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat ASEAN.

Dalam satu sidang akbar yang diadakan sebaik-baik saja mesyuarat itu berakhir, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Laila Jasa Dr. Haji Ismail, Menteri Pembangunan Negara Brunei Darussalam selaku Pengerusi mesyuarat itu telah menjelaskan beberapa perkara penting yang dicapai dalam permesyuaratan itu.

Menurut Yang Berhormat para menteri mengkaji kemajuan pelbagai projek dan aktiviti yang dijalankan oleh Komite Perhutanan, Pertanian dan Perikanan ASEAN (COFAF) dalam bidang perikanan, binatang ternakan, tanaman dan perhutanan termasuk Peraturan Khas Keselamatan Makanan ASEAN.

Para Menteri telah mencatatkan mengenai perjanjian bantuan ke atas PLANTI Fasa 11 dalam mana Amerika Syarikat bersetuju memberi bantuan sebanyak US\$4.2 juta bagi menjalankan program PLANTI untuk jangka 1987 - 1991 di mana perjanjian itu ditandatangani di Kuala Lumpur.

Yang Berhormat juga menjelaskan tentang pelbagai

aktiviti selari dengan Deklarasi ASEAN mengenai Kawasan Bebas Penyakit- Penyakit Khusus Binatang dan Deklarasi ASEAN untuk menghapuskan penyakit mulut dan kaki dijalankan dengan berkesan.

Sehubungan dengan itu, para menteri mempersetujui permohonan Filipina untuk menyatakan bahawa Barat dan Utara Mindanao sebagai kawasan bebas dari penyakit kaki dan mulut.

Seterusnya Yang Berhormat juga menyatakan tentang satu perjanjian perbelanjaan untuk penyelarasan program dan perkembangan Akua-kultur ASEAN — EC yang ditandatangani di Brussels pada bulan Ogos 1987 di mana EC akan memberi ban-

tuan sejumlah ECU \$6.77 juta.

Yang Berhormat juga memaklumkan tentang satu Perjanjian Protokol Fasa 11 mengenai Pusat Kayu Kayan ASEAN-Kanada yang ditandatangani pada bulan Jun 1987 di Singapura yang mana Kanada akan menghulurkan bantuan sejumlah C\$9.4 juta.

Lihat muka 7

MANISNYA IMAN

"RASULULLAH Sallallahu Alaihi Wasallam melarang kahwin mut'ah (perkahwinan untuk sementara) di hari perang Khaibar, dan melarang memakan daging himar jinak." — Hadis riwayat Muslim dari Ali bin Abu Thalib radhiallahuan.

PETIKAN TITAH

“Kemerdekaan hanya akan membawa kebahagiaan jika semua rakyat dan penduduk di negara ini yang benar-benar cintakan keamanan dan ketenteraman serta menumpukan tenaga yang baik dan bersungguh-sungguh bagi membantu Kerajaan Beta untuk mentadbir negara ini dengan sempurna.”

Disampaikan dalam majlis kesyukuran anjuran Penghulu-penghulu dan Ketua-ketua Kampung Daerah Brunei dan Muara di Dewan Persantapan Lapau pada 12 September 1981 iaitu hari keputeraan baginda ke-35 tahun.



Pelita Brunei
DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

30 SEPTEMBER, 1987

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang

MENINGKATKAN PRODUKTIVITI HASIL PERTANIAN DAN PERHUTANAN ASEAN

ASEAN merupakan antara negara-negara Dunia Ketiga yang masih lagi bergantung sepenuhnya kepada sumber alam semulajadi yang berasaskan pertanian dan perhutanan bagi menampung kehidupan rakyatnya. Kekayaan negara-negara ASEAN dan pergantungannya kepada sumber tersebut adalah memerlukan perhatian dan sumbangan yang serius terutama di bidang kepakaran dan pengetahuan teknologi yang berkaitan untuk dimajukan.

Majoriti rakyat ASEAN yang berjumlah lebih 250 juta adalah bergantung kepada sumber pertanian bagi kehidupan mereka sebagai peladang. Apa yang dapat dilihat dari kenyataan tersebut ialah kebanyakan peladang di rantau ini mempunyai hasil pendapatan yang lebih rendah jika dibandingkan dengan pendapatan di sektor ekonomi yang lain seperti perkilangan. Malah keadaan tersebut membawa kepada paras bawah kemiskinan.

Antara faktor yang menyebabkan keadaan tersebut ialah tahap produktiviti yang rendah, harga-harga komoditi yang tidak stabil, dasar perlindungan yang diamalkan oleh negara-negara membangun, infrastruktur yang tidak mencukupi dan strategi pemasaran yang tidak efisien. Demikian antara lain titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika merasmikan Persidangan Menteri-Menteri ASEAN mengenai pertanian dan perhutanan kali kesembilan yang diadakan di negara ini minggu lalu.

Apa yang penting menurut baginda ialah usaha membetulkan keadaan tersebut hendaklah dilaksanakan secepat mungkin. Bagi mencapai objektif tersebut beberapa strategi perlu diselenggarakan dalam usaha meningkatkan pendapatan para peladang dengan memberikan jaminan bekalan makanan yang mencukupi serta kemajuan pertanian yang seimbang di rantau ini. Untuk itu beberapa projek usaha sama yang melibatkan sektor swasta perlu diadakan, latihan kemahiran kepada peladang dan nelayan, memajukan hasil pertanian bantuan infrastruktur perlu dibaiki, pelaburan dalam bidang penyelidikan dan perkembangan pertanian, perikanan dan perhutanan serta pembentukkan sistem pemasaran yang efisien bagi para peladang.

Dengan strategi tersebut baginda yakin produktiviti pertanian rantau ini akan bertambah baik dan taraf hidup rakyat ASEAN juga akan lebih terjamin.

Bagi negara ini, titah baginda, tumpuan diberikan bagi memaju dan memperbesar sektor pertanian, perhutanan dan perikanan dalam Rancangan Kemajuan Negara Lima Tahun sekarang. Dalam bidang pertanian galakkan diberikan kepada firma perdagangan, kelengkapan moden pertanian dan perladangan teknologi tinggi diberi pertimbangan serius. Penghasilan kayu kayan negara akan ditambah menerusi bidang perhutanan. Menambah keluaran ikan melalui tangkapan di laut dalam, akuakultur dan kolam air tawar juga akan diusahakan dalam bidang perikanan.

Sesungguhnya kemajuan dan kemakmuran ASEAN hanya akan dinikmati secara berterusan dengan wujudnya kerjasama di kalangan negara-negara anggota. Dan kemakmuran yang dihasilkan menerusi bidang pertanian adalah merupakan tulang belakang utama ke arah mencapai matlamat keamanan dan kestabilan rantau berkeadilan. Sesuai dengan simbol batang padi yang menjadi logo ASEAN itu, kita percaya pembangunan negara di pelbagai kegiatan ekonomi akan terus meningkatkan taraf hidup rakyat ASEAN yang masih jauh untuk dicapai itu. Dan semogalah persidangan tersebut telah menepati sasarannya menjadi salah satu forum yang amat penting ke arah mempesatkan kerjasama ekonomi rantau ini kerana "tanggungjawab membangun negara masih belum berakhir," jelas baginda.

DALAM majlis yang berbahagia ini, beta ingin mengucapkan selamat datang kepada Tuan-Tuan Yang Terutama, para perwakilan dan tetamu ke Persidangan ke-9 Menteri-Menteri Pertanian dan Perhutanan ASEAN. Beta dengan tulus ikhlas berharap tuan-tuan akan merasa gembira berada di Negara Brunei Darussalam dan perbincangan tuan-tuan dalam masa beberapa hari akan datang akan menghasilkan keputusan-keputusan yang berfaedah dan bererti.

Tahun 1987 menandakan ulang tahun ke-20 penubuhan ASEAN. Dalam tempoh tersebut, ASEAN telah berjaya membuktikan dirinya sebagai contoh bagi keamanan dan perpaduan serantau. Kejayaan itu bukanlah merupakan satu kejayaan yang kecil. Kita menikmati keamanan dan kestabilan di rantau ini kerana para pemimpin ASEAN bekerja keras untuk mencapainya melalui dedikasi serta kesungguhan dan kerjasama politik yang kukuh.

Dengan wujudnya keamanan dan kestabilan dalam ASEAN, kita telah berkeupayaan mempergunakan sumber-sumber kita untuk membangun negara dalam berbagai kegiatan ekonomi, mempertingkatkan infrastruktur asas kita serta juga untuk mempertingkatkan taraf hidup rakyat kita. Walau bagaimanapun, tanggungjawab membangun negara masih belum berakhir. Infrastruktur ekonomi kita masih jauh ketinggalan di belakang negara-negara membangun. Usaha-usaha dan kerjasama yang lebih gigih perlu dilaksanakan dalam kegiatan-kegiatan ekonomi yang mana hanya akan dapat dicapai jika keamanan dan kestabilan wujud di rantau kita. Oleh yang demikian, para pemimpin ASEAN mestilah sentiasa berusaha ke arah ini dan seterusnya memastikan ianya juga akan dilaksanakan oleh para pemimpin masa depan.

Disebabkan oleh kelemahan infrastruktur ekonomi kita, ekonomi ASEAN agak terjejas oleh kemelesetan-kemelesetan atau kegiatan-kegiatan ekonomi di negara-negara membangun.

Keperluan bagi kerjasama ekonomi yang efektif adalah lebih penting dalam bidang-bidang pertanian. Satu majoriti besar rakyat ASEAN bergantung ke atas pertanian bagi kehidupan mereka sebagai peladang. Kebanyakan peladang tersebut mempunyai hasil pendapat yang lebih rendah dari mereka yang bekerja di sektor-sektor ekonomi yang lain seperti perkilangan dan lebih menyedihkan lagi kebanyakan dari peladang-peladang tersebut hidup dalam keadaan di bawah paras kemiskinan. Faktor-faktor yang menyebabkan wujudnya keadaan tersebut antara lain ialah produktiviti yang rendah, harga-harga komoditi yang tidak stabil, dasar perlindungan yang diamalkan oleh negara-negara membangun, infrastruktur yang tidak mencukupi dan strategi pemasaran yang tidak efisien.

Usaha-usaha untuk membetulkan keadaan tersebut hendaklah

Kemelesetan-kemelesetan ekonomi di negara-negara membangun

JEJASKAN EKONOMI ASEAN



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di pembukaan rasmi Persidangan ke-9 Menteri-Menteri Pertanian dan Perhutanan ASEAN yang telah berlangsung di Pusat Dakwah Islamiah pada 24 September, 1987.

dilaksanakan dengan secepat mungkin. Kerjasama kita dalam bidang pertanian hendaklah dihasratkan bagi mendapatkan hasil pendapatan yang lebih baik bagi peladang-peladang dengan memberikan jaminan bekalan makanan yang mencukupi serta kemajuan pertanian yang seimbang di rantau ASEAN. Ini boleh dicapai melalui berbagai projek usaha sama yang melibatkan sektor swasta, memberi latihan kepada para peladang dan nelayan untuk mempertingkatkan kemahiran mereka, memajukan hasil-hasil keluaran pertanian yang ditambah nilainya, memberi bantuan-bantuan infrastruktur kepada peladang-peladang, pelaburan dalam bidang penyelidikan dan perkembangan pertanian, perikanan dan perhutanan serta pembentukkan satu sistem pemasaran yang efisien bagi peladang-peladang. Keseluruhan usaha tersebut, tidak diragukan lagi, akan menghasilkan produktiviti pertanian yang lebih baik di rantau ini yang membawa kepada taraf hidup yang lebih baik bagi semua warganegara ASEAN pada keseluruhannya dan kepada para peladang amnya.

Bagi Negara Brunei Darussalam, beta merasa gembira memaklumkan kepada Tuan-Tuan Yang Terutama bahawa dalam Rancangan Kemajuan Negara ke-5 tahun yang ada

sekarang penekanan diberikan kepada memaju dan memperbesar peranan sektor-sektor pertanian, perhutanan dan perikanan dalam ekonomi negara ini. Dalam bidang pertanian, lebih banyak lagi firma perdagangan akan digalakkan dan alat-alat kelengkapan yang boleh mengurangkan tenaga kerja buruh seperti jentera pertanian dan perladangan teknologi tinggi akan dipertimbangkan dengan serius. Dalam bidang perhutanan, usaha-usaha sedang dibuat untuk mengeluarkan hasil-hasil keluaran yang ditambah nilainya dari kayu-kayan negara ini; dalam perikanan, Negara Brunei Darussalam berharap untuk menghasilkan lebih banyak lagi ikan melalui penangkapan ikan di laut dalam, akuakultur dan kolam-kolam ikan air tawar. Dengan kerjasama ASEAN dalam bidang-bidang tersebut, beta yakin usaha kita untuk memperbesar sumbangan sektor-sektor pertanian, perhutanan dan perikanan dalam ekonomi kita akan memperoleh kejayaan.

Persidangan Menteri-Menteri ASEAN mengenai Pertanian dan Perhutanan kali ke-9 di Negara Brunei Darussalam diadakan tepat pada waktunya. Dalam permesyuaratan ini Tuan-Tuan Yang Terutama akan berpeluang bukan hanya untuk meninjau rancangan-

Terjemahan daripada titah asal dalam bahasa Inggeris.

rancangan dan kegiatan-kegiatan ketika ini, tetapi yang lebih penting bagi tuan-tuan akan membincangkan tugas-tugas penting bagi menyediakan berbagai inisiatif baru dalam bidang-bidang pertanian, perhutanan dan perikanan untuk dihidupkan kepada sidang kemuncak ASEAN dalam bulan Disember tahun ini. Beta merasa yakin Tuan-Tuan Yang Terutama dan para perwakilan dan berusaha sedaya upaya untuk merangka rancangan-rancangan yang akan memberi nafas dan mengekalkan kerjasama ekonomi masa depan ASEAN dalam bidang-bidang berkenaan.

Negara Brunei Darussalam mempertimbangkan Persidangan Menteri-Menteri ASEAN mengenai pertanian dan perhutanan ini sebagai salah satu forum yang amat penting bagi mempesatkan kerjasama ekonomi di rantau ini dan oleh yang demikian beta berharap tuan-tuan akan mencapai kejayaan dalam perundingan tuan-tuan.

Dengan mendahulukan kalimat BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM, beta isytiharkan Persidangan Menteri-Menteri ASEAN mengenai pertanian dan perhutanan ini dibuka dengan rasminya.



DULI PENGIRAN MUDA AL-MUHTADEE BILLAH BERANGKAT KE PRIBIU TERMINAL BARU

Oleh: Abd. Karim HAB
Gambar-gambar oleh
Pg. Bahar PHO.

BERAKAS. — Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, putera sulung Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berangkat menyaksikan pribiu Terminal Baru Lapangan Terbang Antarabangsa di sini pada pagi Rabu minggu lalu.

Juga bersama Yang Teramat Mulia ialah kira-kira 300 orang rakan-rakan sekolah Yang Teramat Mulia dari Maktab Sains Paduka

Seri Begawan Sultan, Jalan Muara.



SEORANG Pegawai Kanan Polis menyebarkan ke hadapan majlis Yang Teramat Mulia dengan menerangkan berkenaan pemeriksaan keselamatan bagi barang-barang yang dibawa (hand luggage) oleh setiap penumpang.

Dalam kunjungan itu, Yang Teramat Mulia telah di-

junjung menyaksikan pertunjukan 'audio-visual' mengenai perkembangan penerbangan itu kemudahan yang terdapat di terminal berkenaan.

Yang Teramat Mulia juga diiringi ke bahagian pameran gambar-gambar perkembangan Penerbangan Awam termasuk balai keberangkatan dan ketibaan, bilik orang-orang kenamaan, kaunter pos dan juga kedai-kedai di terminal berkenaan dan salah satu titisawat (aerobridge).

Penerangan di sepanjang kunjungan Yang Teramat Mulia itu telah diberikan oleh Pengiran Mohd. Yusoff bin Pengiran Haji Puteh, Setiausaha Bersama Jawatankuasa Tertinggi Pribiu Bangunan Terminal Baru Lapangan Terbang Antarabangsa.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah memerhatikan sebahagian daripada barang-barang yang dijual di salah sebuah kedai di balai keberangkatan (atas).

GAMBAR kanan kelihatan Yang Teramat Mulia mendengarkan penerangan mengenai mesin pemeriksaan keselamatan bagasi para penumpang (kanan).

YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah memerhatikan tunjukkan penggunaan alat-alat keselamatan di bahagian pemeriksaan bagasi penumpang oleh salah seorang pegawai kanan Polis Lapangan Terbang.



Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak

PUSAT PERHENTIAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Rendah Rampayuh dan Labi	1.10.1987	Khamis	10.00-12.00 tengah hari
Sekolah Rendah Lumut dan Sungai Liang	1.10.1987	Khamis	10.00-12.00 tengah hari
Sekolah Rendah Haji Md Yusuf Katimahar	3.10.1987	Sabtu	8.30- 9.30 pagi
Penjara Jerudong	3.10.1987	Sabtu	9.45-10.45 "
Sekolah Rendah Mulaut	3.10.1987	Sabtu	11.00-12.00 tengah hari
Sekolah Rendah Birau	3.10.1987	Sabtu	1.30- 2.30 petang
Sekolah Rendah Kiudang	3.10.1987	Sabtu	2.45- 3.45 "
Sekolah Rendah Lamunin	3.10.1987	Sabtu	4.00- 5.00 "
Sekolah Rendah Haji Md Salleh Sungai Hanching	5.10.1987	Isnin	8.45- 9.45 pagi
Sekolah Rendah Kiarong	5.10.1987	Isnin	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Inggeris Berakas (Bhg Menengah)	6.10.1987	Selasa	9.15-10.15 pagi
Sekolah Rendah Anggerek Desa Berakas	6.10.1987	Selasa	10.30-11.30 "
Sekolah Ugama Haji Md Jaafar Kg Kiulap	6.10.1987	Selasa	2.45- 3.15 petang
Sekolah Ugama Kampung Mata-Mata Gadong	6.10.1987	Selasa	3.30- 4.30 "
Sekolah Persediaan Inggeris Sengkuring	6.10.1987	Selasa	4.30- 5.00 "

Angka tunjuk harga barang

BANDAR SERI BEGAWAN. — Angka Tunjuk Harga Barang-barang Pengguna bagi bulan Ogos 1987 ialah 151.0 mata dan ini hanyalah 0.1% lebih tinggi dari angka

tunjuk bagi bulan Julai 1987. Berbanding dengan angka tunjuk bagi bulan Ogos 1986, angka tunjuk bagi bulan yang dilaporkan adalah 1% lebih tinggi.

Jika dibandingkan dengan bulan sebelumnya, ada terdapat sedikit kenaikan angka tunjuk bagi kumpulan "makanan". Angka-angka tunjuk kumpulan-kumpulan lain adalah tidak berubah.

Serahkan surat perlantikan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Papua New Guinea yang tidak menetap, Tuan Yang Terutama Sir Kingsford Khatib Dato Paduka Ustaz

Haji Badaruddin menyampaikan surat perlantikannya kepada Gabenor General Papua New Guinea, Tuan Yang Terutama Sir Kingsford Dibela. Majlis itu berlangsung di Port Moresby pada 19

September lepas.

Tuan Yang Terutama pada ketika ini adalah Duta Besar Negara ini ke Republik Indonesia.

Wakil Tetap Negara Brunei Darussalam ke Bangsa-Bangsa Bersatu, Tuan Yang Terutama Awang Haji Jaya bin Abdul Latif telah menyampaikan surat perlantikan kepada Setiausaha Agung PBB, Tuan Yang Terutama Tuan Perez De Cauller.

Majlis tersebut berlangsung di ibu pejabat Bangsa-Bangsa Bersatu di New York, pada 18 September lalu.

Tuan Yang Terutama Awang Haji Jaya menerima watak perlantikannya dari Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 7 September.



TUAN Yang Terutama Pehin Udana Khatib Dato Paduka Ustaz Haji Badaruddin.



TUAN Yang Terutama Awang Haji Jaya bin Abdul Latif.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.....Siri ke-400

SIAPA DIA AL-IMAM AL-MAHDI

ADAPUN Al-Ustaz Ahmad Amin pengarang Fajrul Islam, berkata dalam kitab Al-Akhlak: Dalam 'aalami itu ada suatu Quwwah atau kekuatan yang sulit yang menggerakkan 'aalami dan mentadbirkan perkara-perkaranya.

Pernyataan Ahmad Amin ini telah ditegur oleh Ash-Sheikh Muhammad Zahid Al-Kauthari dalam Maqaalaatul Kauthari. Katanya pada Al-Ustaz Amin: "Quwwah itu masuk ke dalam 'aalami kerana ia menjadikan 'aalami itu tempat Quwwah, kerana benda yang ditempatkan mestilah ia dikandung oleh tempat itu dengan fikiran Badhihi (Dharurat) padanya." Bukan Quwwah itu sifat Allah pada pandangannya yakni Al-Qawi dan sifat Allah itu berdiri pada zat Allah bukan pada 'aalami. Kemudian Al-Ustaz Amin berkata: "Quwwah itu menggerakkan 'aalami dan mentadbirkan perkara-perkaranya, jadi dengan terang menunjukkan bahawa ia menjadikan sifat Allah pada iktidat orang Islam, maka ia dijadikan pula sifat itu pada Quwwah yang sulit yang masuk ke dalam 'aalami." Menggerakkan

'aalami dan mentadbirkan perkara-perkaranya pada padangannya, kemudian Al-Ustaz Amin menerangkan darihal Quwwah atau kekuasaan itu ialah: "Quwwah itu 'illah bagi wujud 'aalami dan kekalnya." Bahawa artinya perkataan ini pada ahli Ilmu Islam bahawa yang menjadikan 'aalami itu ada dan kekalnya ialah Quwwah yang sulit itu. Dengan itu Al-Ustaz Amin menjadikan sifat Allah yang diketahui oleh orang Islam yang mentauhidkan Allah. Maka ia jadikan pula sifat-sifat itu pada Quwwah itu dengan terang dan jelas tiada sulit-sulit lagi. Kemudian Al-Ustaz Amin berkata: "Aturan yang halus yang dilihat pada 'aalami itu ialah datangnya dari Quwwah itu," padahal Allah berfirman yang tafsirnya: Allah telah membuat tiap-tiap suatu dengan cukup kemas pada perbuatan itu.

Cuma ia belum berkata: "Quwwah atau kekuatan itu ialah Tuhan Rabbul 'Alamin." Ia telah berkata beberapa kali dalam cetakan kitab itu dengan tiada takut, malu dan segan akan ibarat-ibarat yang tersebut.

Fikiran Al-Ustaz Amin itu

ialah mazhab Huluul atau Huluuliyah (menjelma atau menyerap) yang ada pada falsafah barat zaman baharu. Dari ibarat-ibarat Al-Ustaz Amin menunjukkan bahawa Quwwah yang sulit itu yang ia kehendaki dan ibarat-ibarat itu menegah dari ihtimal bahawa ia telah silap menulis dari ibarat (Quwwah itu bagi Allah) kepada ibarat (Quwwah itu ialah Allah) jikalau ia silap tulis nescaya ia bersegera memperbaiki kesalahan yang besar itu pada dua cetakan yang lalu dengan tiada lengah-lengah sehingga cetakan kebelakangan.

Kemudian ia berkata: "Kita terhutang budi kepada Quwwah atau kekuatan itu pada tiap-tiap suatu pada kehidupan kita, dan pada kesihatan kita, pada pancaindera kita, pada segala kesedapan kita dan kesenangan kita padahal orang Islam berhutang budi kepada Allah Taala yang memberi anugerah tidak kepada yang lain. Begitulah Ahmad Amin menjadikan sifat-sifat Allah di sisi ahli agama Islam, dia jadikan sifat-sifat itu pada Quwwah atau kekuatan itu, maka dari itu ia telah menuhankan kekuatan itu menurut pan-

dangannya dengan tiada berlung-lindung lagi. Dengan ringkas.

Adlana kitab Khwaatiru diiniyyah karangan Al-Allamah Al-Muhaddithu Ash-Sheikh Abdullah Al-Ghumari dicetak di Mesir pada tahun 1388 Hijrah katanya: Doktor Taha Husain telah mengarang kitab Fish shiril jaahili, dia menyebut perkara perkara kufur dengan terang-terang setengah daripadanya: Ia ingkarkan Nabi-Nabi Ibrahim dan Ismail 'Alaihimas Salam ia menyangka bahawa keduanya orang rekaan, tiada ada hakikat keduanya dalam tarikh. Dan Quran tiada cukup keterangan pada menyatakan ada keduanya. Telah ditolak ulama akanannya dan telah dibawa perkaranya ke mahkamah dengan tiada ada apa-apa keputusan padanya. Kemudian ia mengarang kitab-kitab agama seperti 'Alaa haamishis siirah, seolah-olah ia hendak bermuka-muka atau menyenda-yendakan orang Islam. Allah tiada lalai dari perbuatannya itu, boleh jadi dia bertaubat dari tulisannya dalam kitab itu, kalau begitu mengapa dia tiada mendedahkan taubatnya

Siri kesepuluh

sebagaimana ia mendedahkan kufur dan murtadnya. Jikalau kita menerima ia bertaubat bersulit di antaranya dengan Allah mengapa kemudian selepas kitab yang pertama itu, selepas itu ia mengarang pula kitab Fis saifi katanya dalam kitab itu: Wajib ditegur dan diulas kitab Al-Quran sebagai suatu kitab sastera. Adakah perkataannya ini keluar daripada mulut orang Islam yang beriktikad bahawa Al-Quran itu kitab Allah yang bersih dari kesalahan dan kecacatan, sebenarnya penulis-penulis yang mulhidin mahukan duit pada menulis kitab-kitab agama dan tiada terlintas di hati mereka hendak bertaubat dari kufur dan murtad itu. Dengan ringkas.

Menurut dalam 'Aqidah Ahil Islam Lil-Allamah Al-Ghumari katanya: Lihat dalam Tafsir Al-Manaar muka 316 sehingga 317 juzuk 3 dalam muka-muka itu, Ash-Sheikh As-Syed Redha tuan punya majalah Al-Manaar



YDM Pehin Datu Seri Maharaja Datu Seri Utama Awang Haji Ismail bin Omar Abd. Aziz, Mufti Kerajaan.

menyebutkan bahawa Al-Ustaz Al-Imam (Ash-Sheikh Muhammad Abduh) ditanya dalam perkara Al-Masih, Ad-Dajal dan Nabi Isa membunuh akannya. Berkata ia (Ash-Sheikh Muhammad Abduh) bahawa dajal itu suatu bayangan bagi perkara khurafat (karut) dan bohong serta perkara-perkara keji yang akan hapus dengan menerangkan syariat Islam menurut sepatutnya dengan mengetahui rahsia agama dan hukum-hukumnya dan Al-Quran itu adalah sebesar-besar perkara yang memberi hidayat kepada rahsia dan hukum-hukum Islam dan sunnah (hadis) Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menerangkan perkara-perkara yang tersebut dan tiadalah berhajat manusia pada islah selain daripada itu. Tamat perkataan Al-Muslihul 'Adzim itu.

WALLAHUAKLAM
(Bersambung)

25 orang pegawai tamatkan kursus pencegahan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seramai 25 orang pegawai dan pemeriksa di Jabatan Kastam dan Eksais Diraja telah menerima sijil bagi kursus pencegahan di bilik taklimat jabatan itu pada 17 September lepas.

Sijil-sijil tersebut disampaikan oleh Timbalan Pengawal Kastam dan Eksais Diraja Awang Mohd. Eusof bin Haji Ismail.

Awang Mohd. Eusof dalam ucapannya berharap supaya kursus tersebut akan menambahkan lagi kefahaman serta pengetahuan para peserta mengenai tugas-tugas pencegahan dalam Jabatan Kastam.

Semasa menjalani kursus para peserta telah diperkenalkan mengenai Akta Kastam (hukuman kesalahan), ampoma, serbuan dan siasatan, pengeledahan dan penyiasatan, pengintipan, tangkapan dan laporan, pengenalan dalam mahkamah, siasatan dalam mahkamah, barang-barang bukti, pembicaraan dan kehakiman mahkamah, latihan amal dan juga lawatan-lawatan ke jabatan-jabatan yang berhubung kait dengan tugas-tugas tersebut.

Kursus yang pertama kalinya diadakan itu anjuran bersama oleh Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kemen-

terian Kewangan dan Pejabat Perjawatan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Malaysia.

Kursus selama 10 hari itu antara lain bertujuan untuk meningkatkan kefahaman serta menambah pengetahuan peserta-peserta mengenai tugas-tugas pencegahan dalam Jabatan Kastam di samping meningkatkan lagi keupayaan dan kemahiran dengan menggunakan teknik-teknik siasatan yang berkesan, dan untuk melengkapkan peserta-peserta dengan pengetahuan yang perlu agar keupayaan bertugas mereka dapat diperbaiki dan diperingkatkan.



TIMBALAN Pengawal Kastam dan Eksais Diraja Brunei, Awang Eusof Agagi menyampaikan sijil kepada Awang Majid bin Haji Jaafar. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

DBP mengalukan sumbangan penulis-penulis tanahair

Oleh: Dk. Fatimah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Haji Ahmad bin Kadi mengalukan penulis-penulis di negara ini akan terus menyumbangkan karya-karya mereka kepada Dewan Bahasa dan Pustaka.

Beliau berkata, sumbangan tersebut biarlah berbentuk rencana, essei, kritikan dan cerpen yang mana sumbangan tersebut masih berkurangan diterima oleh jabatan berkenaan.

Setakat ini katanya, Dewan Bahasa dan Pustaka menerima hampir 80 peratus sumbangan yang berupa penulisan puisi dari penulis-penulis di negara ini.



Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka itu berkata demikian di majlis perjumpaan dengan penulis-penulis Daerah Brunei dan Muara yang berlangsung di Balai Pameran di sini pada 19 September, 1987.

Beliau juga menyatakan tentang cita-cita Dewan Bahasa dan Pustaka yang sentiasa mendorong dan menggalakkan penulis-penulis tanahair supaya lebih giat menulis dan menguasai cara-cara penulisan yang baik.

Beliau juga berharap kepada penulis-penulis supaya jangan berkecil hati sekiranya terdapat karya-karya yang lambat disiarkan melalui majalah BAHANA mahupun BERIGA. Ini memandangkan karya-karya penulis itu sendiri

tidak mempunyai mutu yang baik.

Menurut Awang Haji Ahmad Kadi, bahawa karya-karya yang dipilih untuk disiarkan terpaksa diperbaiki dan diteliti oleh bahagian-bahagian berkenaan. Langkah ini semata-mata un-

PENGARAH Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Haji Ahmad bin Kadi ketika hadir di majlis perjumpaan dengan penulis-penulis Daerah Brunei dan Muara baru-baru ini. — Gambar oleh Harun Rashid.

tuk memperbaiki dan menguasai cara penulisan yang baik.

Kerja gotong-royong

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sejumlah \$300.00 telah disumbangkan oleh Tabung Orang-orang Buta Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, bagi memperbaiki rumah kediaman Awang Said bin Tamid di Kampong Pekilong Muara, Khamis lepas.

Kerja-karya gotong-royong dilakukan oleh kakitangan Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan dengan kerjasama penduduk-penduduk Kampong Pekilong Muara yang dikepalai oleh Ketua Kampong tersebut. — Gambar oleh Haji Sharbini Taha.

MARILAH kita tingkatkan takwa kita kepada Allah Taala dengan taat menjunjung perintah-Nya dan berusaha menjauhi segala larangan-Nya.

Di sini ingin kita menyentuh mengenai soal pergaulan bebas antara kaum lelaki dan kaum perempuan yang bukan muhrimnya, nampaknya perbuatan ini telah mula semakin hari semakin berleluasa terutamanya dari kalangan kaum muda belia Islam kita.

Apa yang kita maksudkan dengan pergaulan bebas di sini ialah pergaulan antara lelaki dan perempuan yang bukan muhrimnya pada tempat-tempat yang benar-benar melanggar batasan dan landasan ajaran agama Islam. Umpamanya berduka-duaan di tempat yang sunyi dan tertutup sama ada di dalam rumah mahupun di luar rumah, di tepi-tepi pantai, di tempat-tempat letak kereta dan sebagainya. Selain daripada perbuatan berduka-duaan yang menunjukkan kebebasan pergaulan mereka itu, maka kadang-kadang ada di antaranya yang sanggup melakukan perbuatan maksiat yang terkutuk. Perkara ini bukanlah merupakan perkara-perkara yang sengaja diadakan bahkan ianya adalah merupakan suatu kenyataan yang wujud di dalam masyarakat kita hari ini. Maklumat seperti ini dapat kita buktikan dari kes-kes Mahkamah Kadi di negara kita ini, di mana kes-kes berduka-duaan atau khalwat di antara lelaki dan perempuan yang bukan muhrimnya yang mana kadang-kadang ada di antaranya pasangan yang bertunang-tunangan telah didapati bersalah di mana jumlah yang terlibat di dalam kes ini melebihi angka ratusan pasangan di dalam setahun, manakala kes yang didapati melakukan persetubuhan haram pula adalah melebihi angka 100 kes dalam setahun, golongan yang terlibat melakukan adalah terdiri 90 peratus darinya dari kalangan kaum belia.

Memakmurkan masjid dituntut dalam agama Islam

UBAIDULLAH ibn Umar Al-Qawawiry pernah menceritakan bahawa beliau tidak pernah lupa dari sembahyang berjemaah. Pada suatu malam, beliau telah lupa sembahyang Isyak berjemaah di masjid disebabkan ada tamu yang datang. Lantas itu, beliau pun pergi ke beberapa buah masjid untuk melihat kalau-kalau di masjid-masjid tersebut belum mendirikan sembahyang Isyak berjemaah. Tetapi semua masjid yang didatanginya itu telah pun selesai mengerjakan sembahyang Isyak berjemaah.

Dengan perasaan hampa, beliau pun kembali ke rumah dan terus mengerjakan sembahyang Isyak bersendirian, menurut riwayat beliau telah melakukan sembahyang sebanyak dua puluh tujuh kali. Ini dilakukannya dengan maksud hendak memperoleh pahala sembahyang berjemaah yang telah terlupa, sebagaimana hadis Nabi menerangkan bahawa sembahyang berjemaah melebihi sembahyang sendiri dengan dua puluh tujuh darjat.

Seleasai menyempurnakan sembahyang Isyak, maka beliau pun tidur. Dalam masa tidur itu, beliau telah bermimpi menunggang kuda yang berjalan di belakang sekumpulan manusia yang mengenderai unta. "Kucuba sedaya upaya untuk mengejar mereka, namun usahaku itu sia-sia belaka."

Dalam pada itu, salah seorang daripada penunggang-penunggang unta di hadapan Ubaiddullah itu berpaling kepadanya seraya berkata: "Tuan tidak dapat menyertai kami, tak usah tuan mengejar kami." Mendengar itu dia pun bertanya: "Mengapakah aku tak

Menuju keredaan Allah

dapat menyertai tuan-tuan?" Orang itu menjawab: "Kami telah sembahyang Isyak berjemaah sedangkan tuan sembahyang Isyak sendiri." Mendengar penjelasan itu dia pun terkejut, hati Ubaiddullah merasa gundah.

Demikian suatu kisah yang terjadi pada diri Ubaiddullah. Dari apa yang diceritakan ternyata kepada kita tentang kelebihan sembahyang berjemaah.

Bercakap mengenai sembahyang berjemaah ini, telah sepakat ulama bahawa: "Mendirikan sembahyang berjemaah di masjid itu adalah setinggi-tinggi taat, seteguh-teguh ibadat dan sebesar-besar syiar Islam."

Agama Islam menuntut kita supaya sentiasa memakmurkan masjid dan seterusnya berjemaah di masjid pada tiap-tiap waktu sembahyang, pada tiap-tiap minggu di hari Jumaat dan di kedua hari raya adalah bertunang-tunangan antara sesama insan itu akan menjadi lebih erat dan sejati.

Kerana itu, hendaklah kita berlumba-lumba kepada menegakkan jemaah; jangan sekali-kali kita tinggalkan kecuali kerana keuzuran yang benar-benar uzur.

Masalah pergaulan bebas:

PENJAGA PERLU AWASI ANAK-ANAK MEREKA

Jika kita selidiki terhadap punca-punca yang menyebabkan terjadi perkara-perkara berkhawatir atau persetubuhan haram itu tidak lain adalah disebabkan oleh pergaulan bebas yang tidak ada batas halangnya. Di dalam perkara ini tidaklah kita menyalahkan 100 peratus kepada golongan belia yang melakukan perkara yang bukan sahaja salah dari segi undang-undang, bahkan memang diharamkan oleh agama kita. Akan tetapi sepatutnya di dalam hal ini para penjaga anak-anak dan kaum belia kita sama ada anaknya itu lelaki apatah lagi yang perempuan, sepatutnya menghalangi dan mencegah dari membiarkan mereka itu terikut-ikut dengan perbuatan pergaulan bebas yang diharamkan itu. Akan tetapi apa yang menyedihkan ada setengahnya yang merestui pergaulan haram ini dengan alasan mereka sudah dewasa dan tahu menjaga maruah mereka masing-masing.

Kita hendaklah ingat bahawa Islam adalah tetap tegas di dalam mengharamkan pergaulan bebas seperti yang dinyatakan itu. Dan Nabi sendiri bersikap tegas pada menegah perkara ini dari berlaku di kalangan sahabat-sahabat Baginda waktu hidupnya. Sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim yang kira-kira bermaksud:

"Jangan sekali-kali seseorang lelaki bersunyan (berkhawatir) dengan seorang perempuan kecuali perempuan itu disertai oleh muhrimnya. Dan janganlah pula seorang perempuan pergi mengembara melainkan disertai muhrimnya. Maka lalu bangun seorang lelaki dan berkata ya Rasulullah, sesungguhnya isteri saya hendak keluar pergi mengerjakan ibadat haji, sedangkan saya sudah diutamakan untuk berperang ini dan itu. Lalu Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Pergilah engkau menunaikan ibadat haji bersama isterimu."

Soalnya kenapakah Islam membuat garis panduan pergaulan seorang perempuan dengan seorang lelaki yang bukan muhrimnya dengan cara menghadirkan seorang lelaki muhrimnya kepada si perempuan itu. Ini tidaklah lain supaya akan dapat menghindarkan dari berlakunya perkara yang tidak diingini oleh agama sama ada yang datangnya dari si lelaki atau si perempuan itu atau yang datangnya dari orang lain sebagai fitnah. Selain dari itu dengan perbuatan berduka-duaan di antara lelaki dan seorang perempuan yang bukan muhrimnya itu adalah diibaratkan sebagai mendekatkan api dengan minyak yang boleh mengakibatkan kebakaran sama ada kebakaran kecil mahupun kebakaran yang besar. Dengan maksud lain ini mungkin menjerumuskan pada melakukan dosa-dosa kecil mahupun dosa besar iaitu perbuatan zina. Sedangkan Allah Subhanahu Wataala telah mengajar kita di dalam Al-Quran supaya jangan sekali-kali cuba mendekati punca-punca yang boleh membawa kepada perbuatan zina sebagaimana firman-Nya di dalam surah Al-Isra ayat 22 yang kira-kira tafsirnya:

"Dan janganlah sekali-kali kamu mendekati kepada perbuatan zina (punca yang membawa ke arah perbuatan zina). Sesungguhnya zina itu adalah perbuatan yang buruk dan jalan yang jahat."

Selain dari itu Rasulullah sendiri ada memberi amaran kepada umatnya tentang bahaya pergaulan seorang lelaki dan seorang perempuan yang tidak disertai oleh seorang muhrimnya iaitu sabda Baginda yang kira-kira bermaksud:

"Jauhilah olehmu dari bersunyan dengan kaum perempuan dan demi diriku ada di dalam genggamannya kekuasaan-Nya tidaklah seseorang lelaki itu bersunyan dengan seorang perempuan melainkan masuklah syaitan antara keduanya itu dan adalah lebih baik seorang lelaki itu bersesak-sesak dengan seekor babi yang berlumuran dengan tanah atau lumpur



daripada bahunya bersesak-sesak bersentuhan dengan bahu perempuan yang tidak halal untuknya (yang bukan isterinya atau muhrimnya)." Hadis diriwayatkan oleh At-Thabrani.

Demikianlah betapa berbahaya dan buruk akibatnya perbuatan pergaulan bebas di mana jika setiap yang bertanggungjawab sebagai penjaga tidak mengambil berat di dalam soal pergaulan anak-anak muda mereka maka tidak mustahil penyakit pergaulan bebas ini akan semakin berleluasa sebagaimana yang terjadi kepada masyarakat dan negara-negara yang menghalalkan pergaulan bebas. Ingatlah jika ini terjadi anak-anak muda kita tidak akan takut-takut untuk melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan ajaran agama terutama di dalam keadaan dunia sekarang ini mempunyai berbagai-bagai kemudahan untuk menyembunyikan perbuatan atau perkara-perkara yang boleh mendatangkan kesalahan di dalam agama di mana yang dapat tahu hanyalah mereka yang melakukannya dan Allah yang sentiasa melihat perbuatan hamba-hamba-Nya.

Oleh itu kalaulah perkara ini tidak dicegah awal-awal maka kerosakan masyarakat akan datang akan lebih teruk dan dahsyat. Oleh itu marilah kita sama-sama berusaha bagi membentasi dan mencegah perkara ini dari terus berlaku terutama pihak yang menjadi penjaga kepada setiap anak-anak dan kaum belia supaya akan lebih mengambil sikap yang tegas sepertimana yang pernah dibuat oleh Rasulullah sendiri. Dia menjaga kesejahteraan kehidupan masyarakat Islam kita. Mudah-mudahan dengan itu kita akan terhindar dari ditimpa bala Allah Subhanahu Wataala yang biasanya diturunkan di mana maksiat berlaku dengan berleluasanya dengan tidak ada siapa yang mencegahnya.

Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-WAKTU sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara dan Tutong mulai dari hari Rabu 30 September hingga ke hari Selasa 6 Oktober, 1987 adalah seperti di bawah ini:—

HARI BULAN	ZUHUR		ASAR		MAGHRIB		ISYAK		IMSAK	SUBUH		MATAHARI TERBIT
	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir		Mulai	Berakhir	
September												
30	12.13	3.22	3.23	6.12	6.13	7.21	7.22	4.58	4.44	4.59	6.07	6.08
1	12.12	3.22	3.23	6.12	6.13	7.21	7.22	4.58	4.44	4.59	6.07	6.08
2	12.12	3.22	3.23	6.11	6.12	7.20	7.21	4.58	4.44	4.59	6.07	6.08
3	12.12	3.22	3.23	6.11	6.12	7.20	7.21	4.58	4.44	4.59	6.07	6.08
4	12.11	3.22	3.23	6.10	6.11	7.19	7.20	4.58	4.44	4.59	6.07	6.07
5	12.11	3.22	3.23	6.10	6.11	7.19	7.20	4.57	4.43	4.58	6.06	6.07
6	12.11	3.22	3.23	6.09	6.10	7.19	7.20	4.57	4.43	4.58	6.06	6.07

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit manakala bagi Daerah Temburong hendaklah dikurangkan satu minit tiap-tiap waktu.

Sembahyang fardu Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

Penyerahan Pusat Latihan Pertanian Sinaut

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pusat Latihan Pertanian Sinaut di Daerah Tutong akan diserahkan sepenuhnya kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Majlis penyerahan itu dijangka akan diadakan pada 16 Oktober depan di Pusat Latihan Pertanian Sinaut.

Khusus bagi memperingati hari yang bersejarah itu, Pusat Latihan Pertanian Sinaut akan mengadakan Eksposis Pertanian selama tiga hari, bermula 16 Oktober hingga 18 Oktober, 1987. Ianya dijangka akan dirasmikan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara Brunei Darussalam.

Para peladang dan penduduk-penduduk di Daerah Tutong yang ingin menyertai pertunjukan itu, diminta menghantar hasil ladang, buah-buahan dan kerjatangan mereka pada 15 Oktober mulai jam 2.00 hingga 6.00 petang. Bagi penyertaan di bahagian sayur-sayuran, masak-masakan dan makanan yang diproses hendaklah dihantar pada 16 Oktober mulai jam 6.00 hingga 8.00 pagi.

Borang-borang penyertaan serta syarat-syarat dan peraturan pertandingan bolehlah diperolehi dari Pejabat Pertanian Daerah Tutong atau di Pusat Latihan Pertanian Sinaut.

PERADUAN MENCIPTA LOGO

JABATAN Unit Anti Dadah, Kementerian Pelajaran akan mengadakan Peraduan Mencipta Logo.

Peraduan tersebut terbuka kepada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Jabatan Unit Anti Dadah, Kementerian Pelajaran mempunyai moto "MEMBASMI PENYALAHGUNAAN DADAH". Logo yang dicipta hendaklah berukuran 40 x 50 sm dan mestilah mengandungi kesemua atau sebahagian warna-warna yang didapati di dalam Bendera Negara Brunei Darussalam.

Peserta yang berjaya akan menerima hadiah saguhati sebanyak \$500.00. Setiap penyertaan hendaklah dihantar kepada Ketua, Unit Anti Dadah, Kementerian Pelajaran, Negara Brunei Darussalam. Kesemua keputusan adalah muktamad.

Tarikh tutup penyertaan pada 30 November, 1987.

Dengan adanya hubungan antara Brunei Darussalam - Indonesia

Oleh Zubaidah HS

Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

BERAKAS. — Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Dr. Haji Mohd. Zain, Menteri Hal Ehwal Ugama berharap dengan adanya hubungan yang sedia ada di antara negara ini dengan Republik Indonesia, akan lebih menguatkan lagi usaha-usaha yang berkeabajikan di antara kedua negara.

Menteri Hal Ehwal Ugama Brunei berkata demikian dalam Majlis Ta'aruf dan ramah mesra antara Menteri Agama Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Bapak Haji Munawir Syadzali dan rombongan bersama Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama Brunei dan Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Hal Ehwal Ugama yang berlangsung di Pusat Dakwah Islamiah di sini pada 23 September lepas.

Tuan Yang Terutama Bapak Haji Munawir Syadzali dan rombongan adalah dalam rangka lawatan rasmi selama tiga hari ke negara ini khusus bagi meninjau perkembangan dan pentadbiran agama Islam termasuk di bidang pendidikan.

Dalam majlis ramah mesra tersebut, kedua-dua Menteri Ugama itu telah menerangkan serba sedikit sistem pentadbiran di Kementerian Hal Ehwal Ugama negara masing-masing.

Menurut Tuan Yang Terutama, tujuan utama

KUATKAN LAGI USAHA BERKEBAJIKAN



MENTERI Agama Indonesia Tuan Yang Terutama Bapak Haji Munawir Syadzali dan rombongan dengan diiringi oleh Menteri Hal Ehwal Ugama Brunei ketika menyaksikan model Masjid Omar Ali Saifuddin yang dipamerkan di Dewan Pameran Pusat Dakwah Islamiah.

negaranya menubuhkan Kementerian Agama Indonesia adalah antara lain bagi membina kehidupan rakyat Indonesia yang mana dari 190 juta rakyat Indonesia, 88 peratus daripadanya adalah beragama Islam.

Katanya, negaranya amat

menitikberatkan pendidikan agama dalam pengajaran di sekolah-sekolah rendah hinggalah ke peringkat universiti.

Di hari yang sama rombongan Menteri Agama Republik Indonesia dan rombongan juga telah dibawa melawat menyaksikan pameran di Pusat Dakwah

Islamiah.

Sepanjang lawatan rasmi tiga hari itu, Tuan Yang Terutama dan rombongan telah sempat melawat Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan, Sekolah Menengah Ugama Arab Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit dan Universiti Brunei Darussalam.

Sementara itu isteri Tuan Yang Terutama, Ibu Hajjah

Murni Munawir Syadzali dan Ibu Hajjah Nur Hani Kiyai Haji Hassan Basri dalam aturcara yang berasingan sempat membuat lawatan ke Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan.

Ketika berada di sini, Tuan Yang Terutama Bapak Haji Munawir dan rombongan juga sempat membuat perjumpaan dengan masyarakat Indonesia di Brunei Darussalam.



TUAN Yang Terutama Bapak Haji Munawir Syadzali, Menteri Agama Republik Indonesia membincangkan sesuatu dengan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Mohd. Zain, Menteri Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam di majlis ramah mesra yang berlangsung di Pusat Dakwah Islamiah (atas).

MENTERI Agama Indonesia ketika menyaksikan sejenis periok yang diperbuat daripada tembaga (kanan).



Peranan belia dalam pembangunan negara

KERIAM. — Yang Dipertua Persatuan Melayu Keriam (PESAKA), Awang Haji Junaidi bin OKSN Haji Mohd. Safar berkata peranan persatuan dalam pembangunan negara tidak boleh diketepikan. Ia bukan saja sebagai aset malah adalah 'catalis' yang penting jika sumber-sumber tenaga belia dipergunakan sepenuhnya untuk menggerakkan pembangunan negara.

Katanya, pembangunan negara bukan hanya bertumpu kepada kemantapan politik dan ekonomi tetapi harus merangkumi aspek-aspek sosial dan kebudayaan yang boleh menjamin kepesatan pembangunan negara.

"Oleh itu peranan belia melalui persatuan perlulah mewujudkan keharmonian dari peringkat kampung membawa ke peringkat

daerah dan seterusnya ke peringkat negara. Peranan persatuan belia dalam aspek sosial bukan hanya cergas dalam bidang tertentu dan bermusim seperti sambutan-sambutan perayaan malah lebih penting mereka perlu didedahkan kepada kerja-kerja berfaedah seperti gotong-royong dalam kerja-kerja kebajikan yang boleh melahirkan keinsafan diri, 'committed' dengan alam

persekitaran, sensitif dengan pergolakan kemajuan negara," jelas Awang Haji Junaidi.

Beliau menyatakan perkara itu dalam ucapan alu-aluan di pembukaan rasmi Sambutan Jubli Perak Persatuan Melayu Keriam (PESAKA) pada pagi Jumaat minggu lalu.

Beliau menambah, dalam usaha ke arah itu, semua pihak haruslah peka bahawa institusi persatuan tidak lagi

boleh dianggap sebagai cetusan rasa semata-mata tetapi institusi ini harus dihidupkan, didirikan sebagai institusi yang berfaedah kepada masyarakat, bangsa dan negara.

"Penilaian semula terhadap fungsi dan tugas persatuan haruslah diambil kira untuk menentukan supaya matlamat pergerakan persatuan belia akan terus hidup dan segar," ujarnya.

Nikmati kemajuan pesat dalam pendidikan formal

GADONG. — Dalam dua dekad yang lalu, negara-negara Asia Tenggara dan

Rantau Pasifik menikmati kemajuan pesat dalam perkembangan sistem pendidikan formal meskipun kedua rantau itu mengalami masalah ekonomi dan tenaga manusia.

Menteri Pelajaran, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman menyatakan perkembangan tersebut berdasarkan kepada statistik Pertubuhan Pelajaran, Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).

Berucap semasa merasmikan Simposium Serantau ke-10 bagi Penyelidikan Sekolah Asia Tenggara dan Pasifik di Institut Pendidikan Sultan Hassanah Bolkiah, (IPSHB) di sini Isnin lalu Yang Berhormat bagai manapun berkata, pencapaian itu hanya dari aspek kualiti di mana bidang pendidikan itu memerlukan banyak segi.

"Dari aspek perkembangan kuantiti sebahagian besar dari negara-negara telah berusaha dengan baik. Akan tetapi, yang nyata sebilangan dari perkembangan pesat ini disertai oleh jurang pendidikan yang serius yang melibatkan kumpulan besar dalam masyarakat termasuk belia yang berhenti sekolah dan juga orang dewasa yang memerlukan pelajaran terutama penduduk pedalaman," tegas Yang Berhormat.

"Dari hal itu," tambah Yang Berhormat, "berlaku perbezaan pendidikan antara bandar dan desa selain perbezaan kelas sosio ekonomi yang boleh mengalih perkembangan kebangsaan."

Simposium lima hari yang disertai oleh 17 buah negara-negara Asia Tenggara dan Pasifik akan berakhir pada 3 Oktober depan. Seramai 60 orang peserta termasuk 20 peserta dari Negara Brunei

Darussalam menyertai simposium itu.

Sebanyak empat kertas kerja dibentangkan selain satu pameran mengenai sejarah ringkas perkembangan pendidikan di negara ini yang berlangsung di Rumah Peringgahan Kerajaan di ibu negara.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Kerja Perancangan, Dr. James H. Eedle, simposium itu bertujuan untuk mencari jalan bagaimana melibatkan masyarakat mendekati bidang pendidikan selain meningkatkan pengetahuan mereka dalam soal-soal pendidikan.

"Para peserta yang menyertai simposium ini akan dapat bertukar-tukar idea mengenai pendidikan di Asia Tenggara dan Pasifik di mana kualiti pendidikan akan dapat ditingkatkan tanpa mengeluarkan banyak belanj," katanya.

Perhubungan Brunei Darussalam - Arab Saudi akan terus diperkukuh

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Duli Yang Teramat Mulia Putera Saud Al-Faisal, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Saudi Arabia sempena Hari Kebangsaan Arab Saudi pada 23 September, 1987.

Dalam sabda perutusan itu Duli Yang Teramat Mulia antara lain bersabda bahawa perhubungan antara Brunei Darussalam dan Saudi Arabia

telah dapat ditingkatkan dengan adanya hubungan diplomatik antara kedua buah negara.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah melahirkan keyakinan yang perhubungan tersebut akan dapat diperkukuhkan di masa-masa akan datang.

"Saya penuh berharap agar kedua-dua buah negara akan dapat bekerjasama dalam konteks Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) demi untuk faedah rakyat kedua-dua buah negara," sabda Duli Yang Teramat Mulia.

MENTERI Pelajaran Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abd. Rahman berucap ketika merasmikan Simposium Serantau ke-10 bagi Penyelidikan Sekolah Asia Tenggara dan Pasifik di IPSHB, Isnin lalu. — Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.



MENTERI-MENTERI Pertanian dan Perhutanan ASEAN bersama pegawai-pegawai kanan sedang mendengar taklimat mengenai Pusat Latihan Pertanian Sinaut semasa rombongan itu mengadakan lawatan ke pusat tersebut. — Gambar oleh Harun Rashid.

ASEAN CAPAI KEJAYAAN DI BIDANG PERTANIAN DAN PERHUTANAN

PULAIE. — Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Laila Jasa Dr. Haji Ismail bin Pengiran Haji Damit, Menteri Pembangunan berkata ASEAN telah mencapai beberapa kejayaan di bidang pertanian dan perhutanan sejak wujudnya perbincangan menteri-menteri rantau ini di bidang yang berkenaan.

Ini, kata Yang Berhormat, termasuklah persetujuan Perjanjian Keselamatan Makanan ASEAN, Memorandum Persefahaman di bidang

Tanaman dan Kurantin Binatang, Kerjasama Perikanan, Kerjasama Pertanian dan Kawasan Bebas Musuh Tanaman juga telah ditandatangani dan dilaksanakan.

Selain daripada itu sembilan projek di bidang pertanian, perikanan dan perhutanan juga telah dilaksanakan; enam projek sedang berjalan dan 20 projek lagi masih dalam penelitian, tambah Yang Berhormat.

"Kejayaan pelaksanaan projek-projek tersebut adalah hasil dari kerja keras dan dedikasi pegawai-pegawai ASEAN dan keyakinan badan tersebut serta sumbangan dan bantuan dari rakan-rakan dialognya," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan berkata

demikian dalam sembah alu-aluan di majlis pembukaan rasmi Mesyuarat Menteri-Menteri Pertanian dan Perhutanan ASEAN ke-9 yang berlangsung di Pusat Dakwah Islamiah di sini pada pagi 24 September lepas.

Usaha baru dirancang

Dari muka 1

Yang Berhormat berkata, kemajuan yang pesat dalam menjalankan pelbagai projek ASEAN di bidang perhutanan untuk mengukuhkan lagi persefahaman dalam bidang ini, para menteri telah memperseutujui projek-projek berikut:

a. Penyambungan Kajian Penggunaan Akhir Hasil-Hasil Kayu ASEAN.

b. Pusat Pemulihan Rotan ASEAN.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Laila Jasa Dr. Ismail juga memaklumkan satu usaha baru telah dirancang untuk memantapkan kerjasama ekonomi ASEAN di bidang perikanan, pertanian dan perhutanan.

Sehubungan dengan itu para menteri telah membincangkan satu cadangan dari Perwakilan Negara Brunei Darussalam mengenai penubuhan Koperasi Pertanian Makanan dan Perhutanan ASEAN. COFAF telah diarahkan untuk membuat kajian penuh mengenai cadangan tersebut.

Mesyuarat ke-10 Menteri-Menteri Pertanian dan Perhutanan dijangka akan diadakan pada bulan Oktober, 1988 di Malaysia.

Tingkatkan infrastruktur ekonomi

ikanan dan perhutanan serta pembentukan satu sistem pemasaran yang efisien bagi peladang-peladang.

Hal ini telah ditegaskan oleh baginda semasa mengurniakan titah di majlis perasmian Mesyuarat Menteri-Menteri Pertanian dan Perhutanan ASEAN ke-9 yang diadakan di Pusat Dakwah Islamiah pada pagi 24 September lepas.

Terdahulu dalam titah baginda, baginda telah menekankan betapa pentingnya keamanan dan kestabilan yang wujud dalam ASEAN, kerananya kita telah berkeupayaan mempergunakan sumber-sumber kita untuk membangun negara dalam berbagai kegiatan ekonomi, mempertingkatkan infrastruktur semata-mata untuk meningkatkan taraf kehidupan rakyat.

Walau bagaimanapun, tegas baginda, tanggungjawab membangun negara masih belum berakhir. Infrastruktur ekonomi kita

masih jauh ketinggalan di belakang negara-negara membangun.

Dalam hubungan itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah usaha-usaha

dan kerjasama yang lebih gigih perlu dilaksanakan dalam kegiatan-kegiatan ekonomi yang mana hanya akan dapat dicapai jika keamanan dan kestabilan wujud di rantau kita.

"Oleh yang demikian, para pemimpin ASEAN mestilah sentiasa berusaha ke arah ini dan seterusnya memastikan ianya juga akan dilaksanakan oleh para pemimpin masa depan," titah baginda lagi.



MESYUARAT persediaan pegawai-pegawai kanan pertanian, perhutanan dan perikanan ASEAN bagi Mesyuarat Menteri-Menteri Pertanian dan Perhutanan ASEAN ke-9 yang berlangsung di Bilik Persidangan Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

Memasuki persatuan adalah membuang masa ANGGAPAN SEDEMIKIAN PATUT DIHAPUSKAN

BERAKAS. — Datin Hajjah Junnani binti Haji Lawie, Yang Dipertua Persatuan PERTIWI menyarankan supaya kaum wanita di negara ini menghapuskan anggapan bahawa memasuki persatuan itu membuang masa.

Menurut beliau, melalui persatuan kita akan dapat bergiat di dalam berbagai bidang terutamanya di bidang ekonomi di samping kita memperoleh berbagai bentuk pengalaman dan pengetahuan yang berguna melalui kegiatan-kegiatan dan aktiviti yang dianjurkan.

Datin Hajjah Junnani berucap demikian di majlis kesyukuran bagi jemaah-jemaah haji persatuan PERTIWI dan juga sambutan awal tahun Hijrah 1408 yang telah dilangsungkan di Stadium Negara Hassanal Bolkiah di sini pada 20 September yang lalu.

"Anggapan bahawa memasuki persatuan itu membuang masa patutlah dihapuskan. Kerana melalui persatuan kita dapat bergiat di dalam berbagai bidang terutama di bidang ekonomi. Di samping memperoleh berbagai pengalaman dan pengetahuan yang berguna melalui kegiatan-kegiatan dan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan," ujarnya.

Menurut beliau, di zaman pembangunan ini, negara sangat-sangat memerlukan sumbangan dan tenaga dari setiap rakyat dan penduduk negara ini bagi sama-sama menggerakkan jentera pembangunan kerajaan yang sedang rancak berjalan ketika ini.

Ke arah itu jelas Datin Hajjah Junnani, kaum wanita adalah tidak terkecuali dalam sama-sama memberikan sumbangan yang berkesan seperti melalui penyatuan tenaga di dalam berpersatuan, pertubuhan-pertubuhan kebajikan dan sebagainya.

Oleh Haniza Abdullah

Persatuan PERTIWI adalah di antara beberapa buah persatuan wanita yang masih bergerak aktif selaras dengan perkembangan dan kemajuan negara. Selama lebih 17 tahun usianya, persatuan tersebut telah mencapai berbagai-bagai kemajuan dan perkembangan yang menggalakkan terutama sekali di bidang ekonomi.

Sehubungan dengan itu, Datin Hajjah Junnani, telah mencatatkan penghargaan kepada pemimpin-pemimpin persatuan di atas sumbangan yang mereka berikan dalam memajukan persatuan.

Tetamu kehormat di majlis itu, ialah bekas pemimpin persatuan dalam tahun 70-an, Datin Paduka Seri Laila Jasa Hajjah Musnah, telah diberikan penghormatan untuk menepung tawar jemaah-jemaah haji pertiwi yang telah sempurna menunaikan fardu haji di tanah suci Mekah pada tahun ini.

Sempena memperingati peristiwa hijrah, ceramah khas telah disampaikan oleh Dayang Hajjah Aminah, penceramah undangan dari Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Projek yang diadakan setiap tahun ini adalah bertujuan untuk memberikan peluang kepada ahli-ahli dari keempat-empat buah daerah untuk beramah-mesra di samping memperbaharui silaturahim yang sedia terjalin sekian lama.

Sementara di sebelah petangnya mereka telah mengadakan mesyuarat agung tahunan kali ke-16, iaitu bagi memilih ahli jawatankuasa tertinggi yang baharu bagi tahun 1987 dan 1988.



YANG Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Hussien, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan ketika menerima kunjungan muhibah Dayang Honorate Vallerde. — Gambar oleh Pg. Haji Yaakub.

Rancangan Kapal Belia KUMPUL HASIL, PENGETAHUAN YANG DIPEROLEHI

Oleh Dk. Fatimah PHMN

BERAKAS. — Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan Dato Paduka Awang Haji Mohd. Ali bin Haji Daud telah merasmikan majlis suaikenal bagi peserta-peserta negara ini yang akan mengikuti Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara 1987 bertempat di Stadium Negara Hassanal Bolkiah pada 22 September lepas.

Di perasmian itu, Dato Paduka Haji Mohd. Ali berharap kepada belia-belia yang dipilih menyertai program itu, supaya akan mengumpulkan hasil dan pengetahuan dalam apa jua ruang yang diatarkan di dalam rancangan itu dan bukannya untuk menjadi alat kepada rancangan itu atau hanya sebagai pelancong "siok sendiri".

Seramai 35 orang peserta negara ini dipilih untuk mengikuti rancangan pertukaran belia yang mana



SEBAHAGIAN dari para tetamu dan peserta yang menghadiri rancangan Kapal Belia Asia Tenggara. — Gambar oleh Harun Rashid.

dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Jepun. Kali pertama negara kita menyertainya dalam tahun 1984 (sebagai pemerhati) dan secara penyertaan penuh mulai tahun 1985.

Program yang akan memakan masa selama dua bulan, memberikan peluang melawat negara-negara ASEAN dan Jepun serta meninjau lebih dekat lagi tentang pembangunan di negara-negara itu di samping bertukar-tukar fikiran melalui aturcara yang disusun oleh negara-negara berkenaan.

Sepanjang minggu suaikenal peserta-peserta negara kita, telah mendengar beberapa taklimat mengenai Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, dan struktur pemerintahan negara ini, dasar hal-

ehwal negeri, adat istiadat dan sosio-ekonomi dan taklimat dari beberapa kementerian asing di negara ini.

Program itu antara lain diharapkan akan meningkatkan dan memperkuatkan lagi hubungan baik yang sedia ada di antara negara-negara ASEAN dan Jepun di samping meluaskan pengalaman serta pengetahuan khususnya di kalangan belia-belia di negara ini.

Kapal NIPPON MARU dijangka akan berlabuh di Pelabuhan Muara pada 4 November depan dalam rangka lawatannya ke negara-negara ASEAN dan Jepun. Persinggahan pertama akan bermula di Jakarta pertengahan bulan Oktober ini.

Lawatan Muhibah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Hussien, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan baru-baru ini telah menerima kunjungan Erea Presiden Persatuan Desa-Desa Sedunia (ECWW) Dayang Honorate Valerde di pejabatnya di sini.

Lawatan Dayang Honorate ke negara ini adalah khusus untuk melihat sendiri akan kegiatan-kegiatan yang dibuat oleh Pertubuhan Wanita Brunei (WI), yang mana pertubuhan ini telah menjadi ahli penuh dalam ECWW Sedunia dalam tahun 1983.

Persatuan Desa-Desa Sedunia (ECWW) ini adalah sebuah persatuan sukarela yang kini yang mempunyai keanggotaan sebanyak sembilan juta orang dari 76 buah negara di dunia. Ini termasuklah negara-negara Asia Tenggara dan Timur Jauh seperti Thailand, Malaysia, Indonesia, Filipina, Brunei Darussalam, Korea Selatan dan Jepun.

ECWW yang antara lain bertujuan untuk melindungi keluarga-keluarga yang kurang bernasib baik khususnya wanita-wanita dan kanak-kanak sedunia.

Semasa berada di negara ini Dayang Honorate Valerde juga telah membuat beberapa perjumpaan bersama ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi WI.



KELIHATAN Datin Paduka Seri Laila Jasa Hajjah Musnah ketika menepung tawar kepada ahli-ahli yang telah sempurna menunaikan fardu haji di tanah suci Mekah tahun ini. — Gambar oleh Pg. Haji Yaakub.

Salah satu acara di masa kapal tersebut singgah di negara ini ialah "Rancangan Keluarga Angkat" yang mana orang ramai dipelawa menjadi keluarga angkat. Rancangan ini meninjau lebih dekat lagi tentang kehidupan dan kebudayaan orang-orang Brunei.

Pengerusi Keluarga Angkat Awang Tamrin bin Haji Ibrahim meminta orang ramai supaya akan menyertai rancangan keluarga angkat memandangkan penyertaan orang ramai setakat ini masih berkurangan.

Borang-borang dan keterangan lanjut bolehlah didapati dari Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan di Jalan Berakas.

PEMAKAIAN TALI PINGGANG KESELAMATAN AKAN DIKUATKUASAKAN

Oleh Bolhassan HAB

JALAN TUTONG. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan supaya pemakaian tali pinggang keselamatan akan diperkuatkan sebagai salah satu peraturan jalan raya.

Pada peringkat permulaan, pemandu-pemandu dan penumpang-penumpang dinasihatkan untuk membiasakan diri masing-masing bagi memakai tali pinggang keselamatan.

Perkara ini telah diumumkan oleh Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz ketika membuka rasmi pelancaran Sekolah Memandu yang berlangsung di Dewan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan di sini pada 26 September lepas.

"Ke arah ini, pihak-pihak yang berwajib akan mengadakan kempen pemakaian tali pinggang keselamatan dan akan terus menerus menawarkan nasihat kepada pengguna-pengguna kereta bagi menggunakan tali pinggang keselamatan ini," jelas Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Pehin berharap agar negara kita akan dapat mengeluarkan pemandu-pemandu kereta yang berwaspada, sabar, berimbang-rasa, dan patuh mengikut peraturan jalan raya dengan tertubuhnya Sekolah Memandu ini.

Semoga usaha-usaha seperti ini, tambah Yang Berhormat Pehin akan mengurangkan kecederaan yang terjadi daripada kemalangan yang berlaku di jalan raya.

Kemalangan jalan raya adalah satu-satunya masalah besar yang dihadapi oleh beberapa buah negara dan Negara Brunei Darussalam tidaklah terkecuali daripadanya walaupun ada kejayaan-kejayaan yang telah tercapai bagi mengatasinya.

Terdahulu sebelum itu, Pengawal Pengangkutan Darat, Awang Haji Mohd. Kassim bin Haji Johan yang juga selaku pengerusi majlis dalam ucapan alu-aluannya menjelaskan bahawa penubuhan Sekolah Memandu adalah hasil dari lawatan,

lawatan sambil belajar ke negara-negara yang telah maju di bidang pengangkutan jalan seperti Sweden, Jepun, Jerman Barat, Malaysia dan Singapura.

"Di negara-negara ini jumlah kemalangan jalan raya yang melibatkan kehilangan jiwa tidaklah begitu tinggi jika dibandingkan dengan negara kita," jelas Awang Haji Mohd. Kassim.

Majlis pelancaran Sekolah Memandu pada hari itu dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh

Awang Baidi bin Awang Damit. Satu ceramah khas telah disampaikan oleh Yang Dimulikan Pehin Tuan Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned, Pengarah Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama Brunei.

Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz selaku tamu kehormat majlis telah menyampaikan sijil-sijil kepada 14 orang pengurus Sekolah Memandu.



MENTERI Perhubungan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz menyampaikan sijil kepada Dayang Malai Hamidah binti Syed Nikman salah seorang pengurus Sekolah Memandu. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

Bagi meningkatkan taraf keselamatan jalan raya Sekolah Memandu ditubuhkan

BAGI memastikan bahawa taraf kemahiran pemandu di masa hadapan di seluruh negara tinggi dan seimbang serta untuk meningkatkan taraf keselamatan di jalan-jalan raya dan lebuhraya, kerajaan telah menubuhkan Sekolah Memandu di negara ini.

Tujuan Sekolah Memandu adalah untuk menyerap nilai-nilai Islam dalam amalan melalui pengajaran memandu 'Sikap Memandu Yang Betul Menurut Islam' dan untuk menuju ke arah pemanduan yang mendapat rahmat dan perlindungan daripada Allah Subhanahu Wataala.

Di samping itu ianya juga adalah untuk mengubah sikap setengah pengajar-pengajar memandu yang hanya mementingkan keuntungan tanpa menitik-beratkan aspek-aspek keselamatan

jalan raya. Mereka hanya mengajar cara-cara memandu dan parking untuk lulus ujian Jabatan Pengangkutan Darat sahaja. Mungkin dengan pembelajaran Undang-Undang Lalulintas Jalan Raya (Highway Code) tidak dijangka kerana mereka tidak mempunyai tempat mengajar yang tertentu.

Untuk memenuhi kehendak yang dikhaskan oleh Jawatankuasa Sekolah Memandu, Pengawal Pengangkutan Darat Awang Haji Kassim menjelaskan bahawa cara pelaksanaan kurikulum Sekolah Memandu telah ditetapkan yang mana semua sekolah-sekolah memandu hendaklah menurut peraturan Akta Lalulintas Jalan Raya Penggal 68 Peraturan-Peraturan Lalulintas Jalan Raya (Jurulatih Memandu dan Sekolah Memandu) 1987.

Sesebuah Sekolah Memandu

hendaklah mempunyai juru-jurulatih yang berkelayakan yang terdiri daripada warganegara Brunei Darussalam dan lulus ujian Undang-Undang dan peraturan Lalulintas Jalan Raya serta ujian-ujian memandu yang dikendalikan oleh Jabatan Pengangkutan Darat.

"Bahagian Teori kursus memandu hendaklah diadakan di bilik yang sesuai bagi digunakan sebagai bilik darjah yang seelok-eloknya dilengkapi dengan alat-alat bantu mengajar (alat-alat pandang dengar) dan sebagainya," jelas Awang Haji Kassim.

Pemohon-pemohon yang ingin menjalani ujian memandu hendaklah terlebih dahulu mengikuti kursus di Sekolah Memandu yang berlesen. Sekiranya mereka memohon untuk menjalani ujian memandu secara persendirian maka permohonan itu tidak akan dilayan.

Pada peringkat awal, jelas Awang Haji Kassim, Jabatan Pengangkutan Darat akan memberikan kursus kepada bakal-bakal jurulatih di Sekolah-sekolah Memandu. Setelah tamat dan lulus kursus ini satu sijil akan dikeluarkan. "Hanya mereka yang memiliki sijil ini sahaja akan dibenarkan untuk mengajar

di Sekolah-Sekolah Memandu," tegas beliau.

Dalam kurikulum yang dikhaskan untuk semua Sekolah Memandu yang dilesenkan ianya mengandungi pelajaran teori yang dibahagikan kepada 10 tajuk iaitu:—

- * Cara mengelakkan kemalangan,
- * Menghindarkan kemalangan dengan kenderaan dari hadapan,
- * Pemanduan bertertib dan berwaspada,
- * Menghindarkan kemalangan dengan kenderaan yang mengekori dari belakang,
- * Menghindarkan kemalangan di simpang empat,
- * Cara-cara memotong yang betul,
- * Kemalangan yang misteri,
- * Menghindarkan kemalangan daripada lain-lain punca,
- * Undang-Undang dan Peraturan-Peraturan Lalulintas (Highway code).
- * Sikap memandu yang betul menurut Islam.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Darat, sebanyak 72 permohonan yang terdiri daripada pengusaha-pengusaha tempatan telah memohon untuk mendapatkan permit bagi

mengadakan Sekolah Memandu.

Dari jumlah tersebut, hanya 14 buah sahaja yang telah diluluskan. Tujuh buah dikhaskan untuk Daerah Brunei dan Muara, Daerah Tutong dan Temburong masing-masing mempunyai sebuah Sekolah Memandu. Manakala Daerah Belait pula ialah lima buah. Bilangan ini akan ditambah berperingkat-peringkat mengikut kedudukan keadaan setempat.

Mengikut Peraturan Lalulintas (Jurulatih Sekolah Memandu) 1987, orang ramai yang ingin memohon untuk menjalani ujian memandu hendaklah mengikuti kursus di Sekolah-sekolah Memandu yang berpermit.

Sehubungan dengan peraturan yang disebutkan tadi apabila ianya berkuatkuasa orang ramai atau orang persendirian tidak boleh menjalankan sesebuah Sekolah Memandu atau menjadi jurulatih di jalan-jalan kecuali jika ada berkaitan dengannya suatu permit khas yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Melesen Kenderaan Bermotor (Sekolah Memandu).

Awang Haji Kassim menegaskan orang ramai yang didapati melanggar peraturan ini dan sabit kesalahan di bawah seksyen 19 Peraturan Lalulintas (Jurulatih Memandu dan Sekolah Memandu) 1987 boleh dihukum penjara selama enam bulan dan denda sebanyak \$4,000.00 atau kedua-duanya sekali.

Untuk menyenangkan orang ramai yang ketika ini sedang mengikuti latihan memandu secara persendirian atau dengan ahli keluarga masing-masing kelonggaran tempoh masa sebelum dari pelancaran Sekolah Memandu ini akan diberikan. Selepas mansuhnya tempoh itu nanti, orang ramai adalah dinasihatkan supaya mengikuti peraturan ini demi untuk kebaikan dan keselamatan kita bersama.



SEORANG bakal pemandu yang ingin mendapatkan lesen dimestikan menjalani ujian memandu yang dikendalikan oleh Jabatan Pengangkutan Darat. — Gambar oleh Pengiran Haji Yaakub.



Harga barang-barang keperluan

SEPERTI biasa di bawah ini dicatatkan beberapa jenis barang-barang keperluan sehari-hari yang boleh didapati dijual dengan harga yang sederhana rendah di kedai-kedai Bandar Seri Begawan, Tutong, Kuala Belait dan Seria. Adalah diingatkan kepada orang ramai bahawa harga barang-barang yang berikut di bawah bermula pada 22 September, 1987.

BANDAR SERI BEGAWAN — 2085

- 1) Beras Pulut segantang \$2.80.
 - a) Kedai Kim Seng Choon No. 6, Jalan McArthur.
- 2) Beras Wangi AAA seguni \$10.00.
 - a) Kedai Leong Soon Huat No. 1, Jalan McArthur.
- 3) Makanan Ayam (Gemuk) 1 kilogram \$1.00/1 kati 60 sen.
 - a) Kedai Liong Chuan No. 1, Jalan McArthur.

TUTONG — 5082.

- 1) Beras Pulut segantang \$3.00.
 - a) Chop Wah Kee No. 6, Jalan Enche Awang.
 - b) Chop Tong Huat No. 17, Jalan Enche Awang.
- 2) Beras Wangi AAA seguni \$10.50.
 - a) Chop Tong Huat No. 17, Jalan Enche Awang.
- 3) Makanan Ayam (Gemuk) 1 kilogram \$1.00/1 kati 60 sen.
 - a) Lim Kian Seng No. 3, Jalan Enche Awang.

SERIA — 7087

- 1) Beras Pulut segantang \$3.00.
 - a) Kedai Chin Siong Hing No. 3, Jalan Sultan Omarali.
 - b) Kedai Yick Fatt Lot 2660, Jalan Sultan Omarali.
- 2) Beras Wangi AAA seguni \$10.00.
 - a) Kedai Yick Fatt Lot 2660, Jalan Sultan Omarali.
- 3) Makanan Ayam (Gemuk) 1 kilogram \$1.00/1 kati 60 sen.
 - a) Kedai Poh Shing No. 6, Jalan Sultan Omarali.

KUALA BELAIT — 6083

- 1) Beras Pulut segantang \$2.70.
 - a) Chop Lian Ho No. 24, Jalan Pretty.
- 2) Beras Wangi AAA seguni \$10.40.
 - a) Kedai Teo Hing Hng No. 45, Jalan Pretty.
 - b) Kedai Chop Yee Seng No. 46, Jalan Pretty.
- 3) Makanan Ayam (Gemuk) 1 kilogram \$1.00/1 kati 65 sen.
 - a) Kedai Chin Fatt No. 60B, Jalan Pretty.

RANCANGAN

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

TV

MINGGU INI

**HARI RABU
30 SEPTEMBER**

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 4.17 AL-QURAN
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 FLINTSTONE KIDS
- 5.00 WIND IN THE WILLOWS: "School Days"
- 5.25 DEFENDERS OF THE EARTH: "Star Boy"
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 MY SISTER SAM: "Shooting Stars"
- 6.13 AZAN MAGHRIB
- 6.18 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
- 6.28 ANIMALS IN ACTION: "Hanging Basket"

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 BIMBINGAN ISLAM
- 7.22 AZAN ISYAK
- 7.27 SMALL WONDER: "The Older Woman"
- 8.10 L. A. LAW: "Prince Kuzak In A Can"
- 9.00 WARTA BERITA
- 9.25 SUDUT PELITA
- 9.30 LIPUTAN NASIONAL
- 10.00 MUSICAL: EUROTOPS
- 10.50 THE COLBY: "Reaching Out"
- Monica terperanjat apabila mendapati Scott Cassidy adalah anak yang telah diserahkan untuk diasuh orang 8 tahun yang lalu; Jason menerima khabar yang membimbangkan dari kakaknya Connie di New Delhi; Sementara Kolya yang berpaling tadah gagal menghubungi keluarga di Moscow melalui telefon; dan Sable pula mempunyai rencana untuk menjadikan Miles dan Channing pasangan yang baik-baik, sementara itu cuba pula menebus penderitaan Monica.
- 11.50 SIARAN TAMAT

**HARI KHAMIS
1 OKTOBER**

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 4.17 AL-QURAN
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 SESAME STREET
- 5.25 HEATHCLIFF
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 1, 2, 3, GO
- 6.05 ECONOMIC TODAY
- 6.13 AZAN MAGHRIB
- 6.18 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
- 6.28 ECONOMIC TODAY — sambungan
- 6.35 KISSYFUR

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 BIMBINGAN ISLAM
- 7.22 AZAN ISYAK
- 7.27 WEBSTER: "Honor Thy Father"
- 8.10 MIAMI VICE
- 9.00 WARTA BERITA
- 9.25 HIDAYAT
- 9.55 DUNIA MINGGU INI
- 10.25 MAGNUM P.I.: "The People Vs Orville Wright"
- Rick ditangkap atas tuduhan membunuh seorang pembunuh upahan yang telah dikontrak untuk membunuh Icepick.
- 11.15 TAYANGAN GAMBAR: "Mad Adventure of BBL Bouncing Beauty"
- 12.50 SIARAN TAMAT.

**HARI JUMAAT
2 OKTOBER**

TENGAH HARI

- 12.00 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 12.02 AL-QURAN
- 12.12 SUSUNAN RANCANGAN
- 12.14 BIMBINGAN ISLAM — ulangan
- 12.25 HIDAYAT — ulangan
- 12.45 AZAN SEMBAHYANG FARUJ
- 12.50 HIDAYAT — sambungan

PETANG

- 1.00 WIDE WORLD OF SPORTS

**HARI SABTU
3 OKTOBER**

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 4.17 AL-QURAN
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 SESAME STREET
- 5.30 WILDLIFE ON ONE: "Armorous Amphibians"
- Kodok, bengkarung air dan katak yang mendiami kolam-kolam di Britain menjalani kehidupan rahsia dan sukar dilihat. Jadi, dari mana mereka



SIRI rancangan kanak-kanak TV "O-LA-LA" akan menemui adik-adik bersama Abang Din, Momo dan rakan adik-adik di studio, berhibur sambil belajar dengan berbagai acara, seperti nyanyian, permainan, kerja tangan dan sebagainya.

- 1.50 SABER RIDER AND THE STAR SHERIFF (Siri baru)
- 2.20 BRAZIL, BRAZIL: "After The Miracle" (Episod akhir)
- 3.10 MASK: "The Creeping Terror"
- 3.23 AZAN ASAR
- 3.28 MASK — sambungan
- 3.40 AL-KISAH: "Kucing Berjasa"
- 4.00 MAGIC CORNER
- 4.25 FLAME TREE OF THIKA: "Safari"
- 5.10 WORKING FOR SAFETY (Episod terakhir)
- 5.35 TERRY AND JUNE: "Camping"
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 TERRY AND JUNE — sambungan
- 6.05 DOCUMENTARY: THE MAKING OF...: "Deathwish II"
- 6.12 AZAN MAGHRIB
- 6.17 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
- 6.27 DOCUMENTARY — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.21 AZAN ISYAK
- 7.26 BIMBINGAN ISLAM
- 7.35 REKASENI: "Gubahan Dari Sabun" (Siri baru)
- Khas kepada peminat-peminat rancangan ini puan khususnya akan dapat mengikuti berjenis-jenis gubahan dan tunjukkan membuat bunga dan gubahan hantaran untuk pengantin. Dalam rancangan pertama ini, pengacara Dk Salbiah Pg Haji Patra akan bersama artis undangan Rekaseini, Dk Khadijah Pg Haji Said akan memberikan tunjukkan membuat berjenis-jenis gubahan bunga dari sabun. Jangan lupa mengikuti kegemaran kaum wanita ini.
- 8.00 MACGYVER: "Silent World"
- 9.00 WARTA BERITA
- 9.25 LIPUTAN NASIONAL
- 9.55 FORUM: "Kebajikan Masyarakat Tanggungjawab Bersama"
- Salah satu objektif tahun keabjikan kebangsaan ialah untuk menerangkan mengenai pengalihan pandangan umum; Konsep Kebajikan Masyarakat Tradisi, kepada konsep yang lebih luas dengan cara mengenalkan sistem dua hala iaitu memberi dan menerima. Untuk menerapkan konsep ini kita akan mengketengahkan pandangan melalui rancangan kali ini.
- 10.20 FALCON CREST: "Double Jeopardy"
- 11.20 SIARAN TAMAT.

datang? Bagaimana mereka bertemu? Adakah mereka mempunyai tarikan atau lagu yang khusus semasa bercengkerama?

- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 ALF: "Border Song"
- Alf berbaik-baik dengan manusia makhluk asing, seorang budak berbangsa Mexican yang tak diketahui asal-usulnya.
- 6.12 AZAN MAGHRIB
- 6.17 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
- 6.27 TELEBUGS — (Episod akhir)

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 BIMBINGAN ISLAM
- 7.21 AZAN ISYAK
- 7.26 THREE'S COMPANY: "Itching For Trouble"
- 8.10 SHELL GAME: "Dead Wrong" (Episod akhir)
- Seorang wanita cantik yang penuh misteri menyebabkan Bill dan Bert dipecat dan membuka jalan bagi Jennie dan John dalam menyiasat beberapa kejadian pembunuhan dan pembakaran.
- 8.15 WARTA BERITA
- 9.25 DARI STUDIO SATU
- 10.25 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA: "Akibat Bercinta"
- 11.55 ENTERTAINMENT THIS WEEK
- 12.55 SIARAN TAMAT.

**HARI AHAD
4 OKTOBER**

TENGAH HARI

- 12.00 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 12.02 AL-QURAN
- 12.12 SUSUNAN RANCANGAN
- 12.11 AZAN ZUHUR
- 12.16 MUSICAL: DOUBLE PLATINUM

PETANG

- 1.10 BIG LEAGUE SOCCER
- 1.55 TAYANGAN GAMBAR: "Touched By Love"
- Seorang gadis yang luar biasa terlepas dari terpenclit dari dunia luar oleh dua persahabatan yang unik dan mesra. Pertama, hubungannya yang kuat teguh dengan seorang jururawat yang sangat penyayang, dan kedua hubungannya yang begitu rahsia dan sangat bernilai dengan Elvis Presley.
- 3.23 AZAN ASAR
- 3.28 TAYANGAN GAMBAR — sambungan
- 3.35 THE ADVENTURES OF TEDDY RUXPIN: "Quests Of The Grunges"
- 4.00 SILVERHAWKS: "The Ghost Ship"
- 4.25 DRAMA (SBC): "Kembali Dalam Kenangan" Bgh. II
- 5.05 GILLETTE WORLD SPORTS SPECIAL — Show No. 1
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.55 CENTURIONS: "Return Of Lassandra"
- 6.11 AZAN MAGHRIB
- 6.16 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
- 6.26 ONE BIG FAMILY: "The Charged Battery"
- Jan terpaksa berhadapan dengan ke-

marahan suaminya Don apabila ia meminjamkan kad kredit suaminya kepada Brian yang mempunyai teman wanita tetapi tidak mempunyai wang

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.20 AZAN ISYAK
- 7.25 BIMBINGAN ISLAM
- 7.35 WHAT A COUNTRY
- 8.10 MATLOCK: "The Author"
- 9.00 WARTA BERITA
- 9.25 SUDUT ASIA
- 9.55 JUARA KUGIRAN 1987 — Separuh Akhir No. 2
- 10.45 RAGE OF ANGELS II — THE STORY CONTINUES
- 11.35 CALL ME MISTER: "Frozen Assets"
- 12.35 SIARAN TAMAT.

**HARI ISNIN
5 OKTOBER**

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 4.17 AL-QURAN
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 ALPHABET GAMES: "The Letter — J"
- 4.45 BITS AND PIECES: "Trees"
- 4.55 SNORKEL (Siri baru)
- 5.20 THE WORLD ABOUT US: "Road To Mandalay"
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 THE WORLD ABOUT US — sambungan
- 6.11 AZAN MAGHRIB
- 6.16 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
- 6.26 THE EDISON TWINS

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.20 AZAN ISYAK
- 7.26 BIMBINGAN ISLAM
- 7.36 WHO'S THE BOSS? "The Way We Was"
- 8.10 O'HARA: "Eddie" (Siri baru)
- Seorang pembunuh pegawai polis telah ditangkap. Tetapi Ohara merasa sesuatu tak kena dan membantu orang yang tertuduh itu mencari orang yang mirip wajahnya.
- 9.00 WARTA BERITA
- 9.25 LIPUTAN NASIONAL
- 9.55 SUPERSTARS OF WRESTLING
- 10.50 TAYANGAN GAMBAR: "Waltz Across Texas"
- Filem ini mengisahkan usaha mencari minyak oleh John Taylor — seorang peminyak dari Texas dan pertemuannya dengan Gail Weston, seorang pakar kaji bumi yang keras kepala. Mereka berbalah dalam semua hal kecuali satu perkara — mereka yakin tanah yang mereka pilih itu akan mendatangkan kekayaan pada mereka.
- 12.30 SIARAN TAMAT.

**HARI SELASA
6 OKTOBER**

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 4.17 AL-QURAN
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 RAG DOLLY ANNA
- 4.40 SQUARE ONE
- 5.10 JEM
- 5.35 O-LA-LA (Siri baru)
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 O-LA-LA — sambungan
- 6.10 AZAN MAGHRIB
- 6.15 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
- 6.25 DOCUMENTARY: GLASS "Strength" — (Episod akhir)

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.20 AZAN ISYAK
- 7.25 BIMBINGAN ISLAM
- 7.35 MARI MEMASAK: "Kek Lapis Hellena"
- (Resepi Kek ini ada dimuatkan di muka lain akhbar ini).
- 8.10 COURAGE (Episod akhir)
- 9.00 WARTA BERITA
- 9.25 BELIA
- 9.45 ARENA SUKAN
- 10.45 KANE AND ABEL
- 11.45 SIARAN TAMAT.

rtb Intisari minggu ini

Radio Minggu Ini:

MEMBENTERAS PENYALAHGUNAAN DADAH DAN PENYAKIT AIDS

DDADAH dan penyakit Aids, merupakan dua gejala penyakit yang amat berbahaya melanda kehidupan manusia di dunia hari ini. Kedua-dua gejala penyakit ini adalah berpunca dari sikap hidup manusia sendiri, khususnya mereka yang tidak mementingkan kehidupan beragama dan hanya semata-mata mengutamakan keseronokan sementara saja.

Seperti halnya di negara-negara dunia yang lain Negara Brunei Darussalam juga tidak ketinggalan daripada persoalan ini. Namun begitu, dua gejala penyakit ini belum lagi berada di peringkat menular dan berbahaya. Akan tetapi pada peringkat awal-awal ini setiap golongan masyarakat di negara ini haruslah menyedari dan bersedia untuk membenteras habis-habisan dua gejala penyakit ini dari sekarang. Dalam hubungan ini alat sebaran am kerajaan seperti Radio dan Televisyen adalah merupakan dua media komunikasi yang berkesan dan seringkali memberikan maklumat-maklumat yang berguna kepada masyarakat di negara ini.

Sebagai media pemberi maklumat, penghibur dan juga secara tidak langsung sebagai alat pendidikan Radio Brunei sentiasa mendampingi semua golongan masyarakat di negara ini. Sejak bermulanya kempen anti dadah beberapa tahun lalu dan juga usaha membenteras penyakit Aids pada tahun lepas di negara ini, Radio Brunei telah dijadikan 'media' yang bersesuaian untuk menyiarkan apa-apa saja maklumat yang penting dan berguna kepada masyarakat. Bahaya penyalahgunaan dadah dan juga penyakit Aids seringkali diberikan ketutamaan di dalam beberapa rancangan radio.

Penyalahgunaan dadah dan bahaya penyakit Aids adalah merupakan persoalan yang tidak asing lagi hari ini. Kerana kedua-dua gejala penyakit berbahaya ini telah dijelaskan sepenuhnya oleh Ra-

dio Brunei. Jadi, pendengar-pendengar yang mengikuti siaran Radio Brunei, khususnya yang berada di luar-luar bandar dan yang tidak berpeluang membaca media cetak, seperti surat khabar dan majalah sudah tentu menjadikan media radio sebagai alat untuk menambah dan meluaskan pengetahuan mereka.

Sememangnya ke arah pembentukan masyarakat yang berpengetahuan sihat dan harmonilah matlamat hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Perihal kerajaan membelanjakan berjuta-juta ringgit pada setiap tahun di dalam melengkapkan media massa kepunyaan kerajaan, terutamanya Radio Brunei adalah memperlihatkan dengan jelasnya betapa perhatian berat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia terhadap rakyatnya. Justeru itu, setiap golongan masyarakat di negara ini haruslah bersikap mengambil kira dan memberikan kesan timbal

balik pula, pada setiap apa yang disiarkan oleh Radio Brunei. Terutama sekali pada hal-hal yang mempunyai hubungan dengan soal-soal penyalahgunaan dadah dan juga bahaya penyakit Aids di negara ini. Kerana setiap apa yang disiarkan Radio Brunei ianya juga merupakan suara dari pihak yang berwajib di negara ini.

Masyarakat pendengar khasnya serta rakyat dan penduduk di negara ini umumnya, haruslah menamakan sikap mengambailah tahu dan beringat-ingat di antara satu sama lain berhubung dengan penyalahgunaan dadah dan bahaya penyakit Aids ini. Seperti mana yang pernah disiarkan oleh Radio Brunei berhubung dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang mana baginda seringkali menitahkan agar rakyat dan penduduk di negara ini, khususnya kaum belia berwaspada dan menghindarkan diri dari gejala 'Penyalahgunaan Dadah Berbahaya.' Titah baginda ini seharusnya

diberikan perhatian yang serius oleh setiap golongan masyarakat di negara ini.

Dalam hal yang amat penting ini juga Radio Brunei seringkali memberikan pesanan dan peringatan kepada setiap ibu bapa di rumah. Mereka haruslah pula bersikap 'peka' atau cepat memberikan sesuatu perhatian kepada hal-hal di sekeliling, terutama anak-anak mereka sendiri. Memberikan perhatian dan mengetahui hal-hal anak-anak sendiri adalah merupakan jalan yang lebih baik dan lebih berkesan. Sebenarnya mengenai persoalan ini Radio Brunei seringkali menyiarkan rancangan-rancangan berbentuk pendidikan moral dan ke- rohanian, supaya dapat dicontohi dan dijadikan teladan oleh para pendengar. Bagi kita semua, Radio Brunei bukan hanya merupakan alat penghibur, malahan ianya juga dapat dijadikan alat membantu membenteras penyalahgunaan dadah dan juga membenteras merebaknya penyakit Aids di kalangan masyarakat di negara ini.



Sudut Remaja

SALAH seorang 'finalist' Bintang Remaja '87 berasal dari Daerah Tutong. Dk Norismaliah Pg Haji Idris meminati Salwa Abd Rahman dan bakatnya mula terserlah ketika me-

nyertai pertandingan Bintang Kecil.

Ikutlah persembahannya pada hari Isnin 5 Oktober, 1987, jam 4.00 petang.

Mari Memasak:

KEK LAPIS HELLENA

BAHAN-BAHANNYA :

- 20 biji kuning telur
- 12 biji putih telur
- $\frac{1}{2}$ tin susu manis
- $\frac{1}{2}$ sudu teh rempah kuih
- 2 sudu makan Nescafe
- 380 gram mentega
- 150 gram tepung naik sendiri
- 275 gram gula kasar
- 1 cawan tepung ais cream coklat
- 1 cawan tepung ais cream strawberry
- 1 sudu teh esen Vanilla sedikit pewarna merah.

CARA-CARA MEMBUATNYA :

1. Putih telur dipukul sampai kembang dan memutih.
2. Masukkan gula, sedikit demi sedikit, tinggalkan baki gula anggaran satu sudu makan.
3. Kuning telur dipukul hingga kembang bersama baki gula tadi.
4. Mentega dipukul bersama susu dan vanilla hingga berubah warna.

5. Setelah itu, satukan adunan-adunan tadi gaul hingga rata.
6. Kemudian masukkan tepung, kacau sehala sahaja.
7. Bahagikan adunan ini kepada tiga bahagian :—
 - a) Sebahagian masukkan tepung ais cream coklat dan Nescafe.
 - b) Sebahagian lagi masukkan tepung ais cream Strawberry dan pewarna merah.
 - c) Yang sebahagian lagi biarkan tanpa warna.
8. Apabila telah dibuat pembahagian warna-warna tadi, baharulah dibakar selapis-selapis dengan mendahulukan adunan yang tidak diwarnakan, diikuti dengan warna merah, coklat dan seterusnya.
9. Anggarkan adunan sebanyak 3 sudu makan semasa melapis-lapisnya.
10. Membakar kuih ini menggunakan api di sebelah atas sahaja.

Sandiware Radio:

"HATINYA SEPUTIH SALJI"

MINGGU ini Sandiware Radio berjudul "HATINYA SEPUTIH SALJI" tulisan Halimah Yaman, Negara Brunei Darussalam.

Mak Tipah adalah merupakan seorang ibu tua yang malang, kerana mempunyai seorang menantu yang membencinya lantaran keadaannya yang kurang sihat dan dianggap hanya memberikan beban kepadanya.

Aidah merasakan dirinya sebagai orang gaji dalam rumahtangganya kerana kehadiran mertuanya tinggal bersama mereka. Burhan suaminya sudah puas memujuknya agar banyak bersabar, kerana ia tidak mahu ibu-

nya tersinggung dengan perbuatannya itu.

Bagaimanapun Aidah tidak pernah merasa senang selagi mereka tinggal bersama mertuanya itu, walaupun rumah yang mereka diami itu adalah rumah peninggalan arwah ayah Burhan untuk ibunya. Ia lebih suka jika ibu mertuanya itu tinggal bersama Noriah, adik angkat Burhan yang hidupnya sederhana dan banyak tanggungan.

Bagi Noriah pula, ia sentiasa saja mengalu-alukan ibu angkatnya itu ke rumahnya kerana baginya merekalah keluarganya yang sebenar. Niat jahat Aidah itu tercapai juga akhirnya bila ibu mertuanya keluar dari rumahnya

sendiri dan berpindah ke rumah Noriah.

Sejak Mak Tipah keluar dari rumah itu, Aidah semakin rancak mengatur rancangannya. Ia mengajak suaminya untuk berpindah ke rumah orang tuanya dan rumah mertuanya itu dijual. Hasil dari jualannya itu pula dirancangkan hanya untuk mereka suami isteri. Dalam sibuk membuat rancangan itu, tiba-tiba bala menimpa mereka.

Apakah bala yang mereka terima itu? Ikutlah siaran sandiware yang menarik ini nanti melalui siarannya pada 4 Oktober, 1987, jam 11.15 pagi.

Rancangan ini diterbitkan oleh Salmah Haji Abd. Rahman.

PERSIDANGAN KE-9 MENTERI-MENTERI PERTANIAN DAN PERHUTANAN ASEAN

NEGARA Brunei Darussalam buat pertama kalinya telah menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat Menteri-menteri Pertanian dan Perhutanan ASEAN ke-9 yang diadakan dari 21 hingga 26 September di Bilik Persidangan Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan di Jalan Residensi di sini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat bagi merasmikan mesyuarat tersebut di satu majlis yang berlangsung di Pusat Dakwah Islamiah pada 24 September lepas.

Keberangkatan tiba Baginda di majlis tersebut dijunjung dan dialu-alukan oleh yang Berhormat Pengiran Dato Seri Laila Jasa Dr. Haji Ismail bin Pengiran Haji Damit, Menteri Pembangunan dan seterusnya memperkenalkan baginda kepada Menteri-Menteri perwakilan dari Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura dan Thailand yang sama-sama mengalu-alukan keberangkatan baginda.

Negara kita buat pertama kalinya menyertai mesyuarat Menteri-Menteri Pertanian dan Perhutanan ini ialah pada mesyuarat ke-6 yang diadakan di Filipina pada 4 dan 5 Oktober, 1986, sejak ianya ditubuhkan pada tahun 1967.

Penubuhan permesyuaratan ini merupakan salah satu badan yang penting dalam ASEAN yang telah mencapai beberapa persetujuan dan kerjasama yang meluas di bidang pertanian dan perhutanan dan perikanan.

Dalam mesyuarat kali ini seramai 60 peserta dari negara-negara ASEAN telah menghadirinya termasuk 17 peserta dari Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat ini bermula dengan Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan Pertanian dan Perhutanan ASEAN yang diadakan pada 21 dan 22 September, 1987 di tempat yang sama.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (gambar atas) ketika berangkat ke majlis perasmian Persidangan Menteri-Menteri Pertanian dan Perhutanan ASEAN kali yang ke-IX.

HADIR sama di majlis tersebut ialah pembesar-pembesar negara (gambar bawah) diplomat luar negeri dan ketua-ketua jabatan kerajaan. Manakala gambar bawah sebelah kanan menunjukkan peserta negara-negara ASEAN yang menghadiri persidangan tersebut.

OLEH TIMBANG BAKAR
GAMBAR-GAMBAR OLEH:
HAJI SHARBINI TAHA DAN
PG. ABU BAKAR PHO.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika dijunjung untuk menerima pengenalan para Menteri-Menteri Pertanian dan Perhutanan ASEAN yang menghadiri persidangan tersebut kanan sekali ialah Setiausaha Agung Sekretariat ASEAN TYT Roderick Yong.

MENTERI AGAMA INDONESIA MENGADAP

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Menteri Agama Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Bapak Haji Munawir Syadzali di Istana Nurul Iman, pada petang Khamis lepas.

Tuan Yang Terutama di istiadat itu telah diiringi oleh Menteri Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Awang Haji Mohd. Zain dan Duta Besar Republik Indonesia ke Negara

Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Haji Ferdy Salim.

Tuan Yang Terutama Menteri Agama Republik Indonesia itu adalah dalam rangka lawatan rasmi selama tiga hari ke negara ini.

Ibu Hajjah Murni Munawir Syadzali juga telah diperkenalkan mengadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam.

Kedua-dua istiadat mengadap itu berlangsung berasingan di Istana Nurul Iman dan Istana Nurul Izzah, Jerudong pada hari yang sama.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menerima mengadap Menteri Agama Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Bapak Haji Munawir Syadzali (atas sekali).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha berbual mesra dengan Isteri Menteri Agama Republik Indonesia, Ibu Hajjah Murni Munawir Syadzali di majlis mengadap di Istana Nurul Iman (atas kiri).

DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam ketika berkenan menerima mengadap Ibu Hajjah Murni Munawir Syadzali di Istana Nurul Izzah, Jerudong (atas).

Gambar-gambar oleh:

Pg. Abu Bakar PHO
dan
Harun Rashid

29 September tahun ini menandakan genap 28 tahun usia Perlembagaan Negara Brunei Darussalam.

Penggubalan Perlembagaan itu adalah suatu detik sejarah yang amat bermakna ke arah pencapaian politik bagi Negara Brunei Darussalam. Perlembagaan Negara Brunei Darussalam dan Perjanjian Brunei merupakan suatu langkah bahawa Brunei mengambil alih pemerintahan dalam negeri dan satu langkah untuk mencapai semula tarafnya sebagai sebuah negara yang merdeka penuh berdaulat.

Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddin menandatangani bagi pihak Kerajaan Brunei dan Sir Robert Scott, Pesuruhjaya Agung British bagi Tenggara Asia menandatangani bagi pihak Kerajaan British.

Titah Diraja ketika memasyhurkan Perlembagaan itu jelas mensifatkan sebagai "satu langkah yang besar dalam kemajuan Perlembagaan negeri ini ke arah berkerajaan sendiri yang penuh dan merdeka." Sesungguhnya ia juga membayangkan suatu keazaman yang sangat murni oleh Raja terhadap masa depan rakyat dan negara. Titah seterusnya menyebutkan antara lain, "Kejayaan Perlembagaan ini dengan cepatnya Negeri Brunei dapat menjayakan taraf kerajaan sendiri yang penuh bergantung taat setia rakyat kepada Perlembagaan ini, kepada fikiran politik yang waras, kepada perkhidmatan yang tidak terhad, kepada negara dan kepada perasaan mesra, bertolak ansur dan bekerjasama di antara satu sama lain."

Sempena mengambil sukut yang bersejarah itu, kerajaan telah mengumumkan bahawa tarikh tersebut dijadikan sebagai hari kelepasan awam (setelah semula Negara Brunei Darussalam mencapai semula kemerdekaannya pada tahun 1984 tarikh tersebut tidak lagi diwartakan sebagai hari kelepasan awam).

Dalam Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, Perlembagaan meletakkan Islam sebagai agama rasmi dan bahasa Melayu ditempatkan kedudukan yang istimewa dan mulia. Agama

Mengenang Hari Perlembagaan



AL-MARHUM Sultan Haji Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ketika menandatangani Perjanjian Negara Brunei Darussalam pada 29 September 1959. (kiri).

MASJID Omar Ali Saifuddin merupakan lambang agama Islam. (kanan).

Oleh Dk. Fatimah PHMN
Gambar oleh Haji Sharbini

Islam sebagai Agama Rasmi dan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Rasmi Negara Brunei Darussalam.

Negara Brunei Darussalam mempunyai Perlembagaan Bertulis yang terkandung dalam dua dokumen asas, Perlembagaan Negara Brunei Darussalam (dahulunya dikenali sebagai Perlembagaan Negeri Brunei 1959) dan Perlembagaan Mengangkat Raja dan Melantik Pemangku Raja, 1959. Perlembagaan telah dipinda mulia dari 1 Januari 1984 untuk membuat peruntukan yang menunjukkan pertukaran taraf Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang merdeka penuh lagi berdaulat. Ini adalah seperti yang dilaporkan dalam Laporan Tahunan 1983-1984.

Di bawah Perlembagaan itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menjadi Kepala Negara dan diberikan kuasa memerintah yang tertinggi yang boleh dijalankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia sendiri atau oleh Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet atau oleh mana-mana Menteri yang dibenarkan oleh Majlis

Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet.

Perlembagaan tersebut memperuntukkan bagi seorang Perdana Menteri yang dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan. Perdana Menteri bertanggungjawab kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan menjalankan kuasa memerintah. Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga melantik Menteri-Menteri Kabinet yang lain. Majlis Mesyuarat dan Menteri-Menteri Kabinet terdiri dari Perdana Menteri dan Menteri-Menteri lain mempunyai arahan dan kawalan am kerajaan dan dipengerusikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Selain dari Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan juga dibantu dan dinasihati oleh majlis-majlis seperti Majlis Mesyuarat Diraja, Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja dan Majlis Ugama Islam.

Kemajuan dan kemakmuran Negara Brunei Darussalam yang kita nikmati sekarang ini di bawah kebijaksanaan kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah merupakan hasil usaha yang dirintis oleh paduka ayahanda baginda, Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien.

Al-Marhum adalah pengasas Perlembagaan, telah membuktikan bahawa Perlembagaan yang dicapai itu telah memberikan corak yang dinamik terhadap kemajuan dan perkembangan negeri ini yang mendatangkan kebajikan kepada rakyat di samping kemakmuran dan kemantapan politiknya.


Mengenang kembali jasa Al-Marhum itu di masa hayat Al-Marhum, Al-Marhum telah banyak membuat berbagai rancangan untuk memajukan negara dan meningkatkan kesejahteraan dan taraf kehidupan rakyat dan penduduk negara ini, sama ada dalam bidang sosial, ekonomi, infrastruktur, pembangunan, keselamatan dan kemakmuran negara hingga ke mata dunia, Al-Marhum dikenali sebagai "ARKITEK BRUNEI MODEN".

Sejak pemerintahan Al-Marhum dari bulan Jun 1950 hingga turun dari takhta kerajaan dengan kemahuan Al-Marhum sendiri pada 4 Oktober 1967, Brunei Darussalam membangun dengan pesatnya.

Pada tahun 1951, bangunan kedai telah didirikan diikuti pada tahun 1954 bangunan panggung wanyang telah dibina sebanyak 2 buah diikuti dengan Pejabat Setia Usaha Kerajaan dan Lapangan Terbang Berakas. Bangunan Pusat Belia yang bertujuan untuk memberi kemudahan para belia di negara ini untuk terus aktif dibina pada tahun 1965. Bagi kemudahan rakyat Al-Marhum juga memperkenankan pembinaan sebuah lapangan tasik seluas 60 ekar.

Sebagai langkah awal yang penting yang telah Al-Marhum usahakan ialah

NEGARA TERUS CAPAI KEAMANAN, KEMAKMURAN



SEBUAH monumen (tugu peringatan) yang telah dibina di tengah-tengah Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin di ibu negara sempena penukaran Bandar Brunei, kepada Bandar Seri Begawan.



DBP memainkan peranan penting ke arah menjadikan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Rasmi Negara Brunei Darussalam.

memberikan pelajaran dan pendidikan yang cukup kepada rakyat Brunei. Al-Marhum memperkenankan penubuhan sekolah-sekolah rendah dan menengah di kesemua daerah secara percuma. Pada tahun 1951, Al-Marhum telah menubuhkan Sekolah Inggeris Kerajaan yang pertama di Brunei.

Setelah Al-Marhum turun dari takhta atas kemahuan Al-Marhum sendiri, pada

tahun 1967, langkah-langkah untuk memajukan perkembangan pembangunan Brunei diteruskan oleh paduka anakanda Al-Marhum Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah sehingga Negara Brunei Darussalam mencapai taraf dan kedudukan sebagai sebuah negara yang merdeka lagi berdaulat, maju dan pesat membangun.



NOVEL yang memenangi tempat pertama yang berjudul 'Pengabdian' karya Dayang Norsiah binti Haji Ghafar akan dipentaskan dalam bentuk drama di Balai Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka, pada 30 September, 1987 jam 8.00 malam sempena Jubli Perak jabatan tersebut.

Drama 'Pengabdian' yang menggambarkan perihai kegigihan Dr. Siti Nor dalam menghadapi hidup yang tertentu dan dalam detik-detik singkat dia rela mengabdikan dirinya kepada hidup dan kehidupan masyarakatnya.

Seramai 23 orang pegawai dan kakitangan DBP mengambil peranan antaranya Shamsiah Haji Abd Manaf, Malik Haji Metarsad, Delima Moksin, Jawawi Haji Ahmad, Haji Yusof Morni, Dayang Haji Minuddin dan lain-lain. Novel 'Pengabdian' ditulis menjadi drama pentas oleh Pg. Haji Aji bin Pg. Mohd. Tahir serta diarahkan oleh Haji Abd. Rahman Mohd. Yusof. (gambar atas) — Gambar Ihsan DBP.

Peminat drama dan orang ramai dipersilakan hadir menontonnya.

KENYATAAN DAN PEMBERTAHUAN TAWARAN

TAWARAN MEMBEKALKAN SAMPUL SURAT KE JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN KEMENTERIAN UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TAHUN 1988

01/GP/18/87

i. TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan 1130, Negara Brunei Darussalam sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 26 Oktober, 1987 bagi membekalkan perkara-perkara seperti di bawah ke Jabatan Percetakan Kerajaan, Kementerian Undang-Undang, Negara Brunei Darussalam bagi tahun 1988.

ITEM	KETERANGAN	BANYAK
1.	Manilla Envelopes DL 110 x 220mm. 75gsm. Wallet Cut dengan Side Seam serta garisan kotak bercetak "URUSAN KERAJAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA" di atas kepala sampul surat	1,500,000 keping
2.	Manilla Envelopes C5 162 x 229mm. 75gsm. Wallet Cut atau Open End dengan Side Seam dan bercetak seperti Item 1	200,000 "
3.	Manilla Envelopes 305 x 254mm. 120gsm. Open End dengan Side Seam dan bercetak seperti Item 1	150,000 "
4.	Manilla Envelopes 305 x 406mm. 120gsm. Open End dengan Side Seam dan bercetak seperti Item 1	200,000 "
5.	Manilla Envelopes 381 x 457mm. 120gsm. Open End dengan Side Seam dan bercetak seperti Item 1	100,000 "
6.	Giant Manilla (Basket Weave) Envelopes DL 110 x 220mm. 150gsm. Wallet Cut atau Open End dengan Side Seam dan bercetak seperti Item 1	100,000 "
7.	Giant Manilla (Basket Weave) Envelopes C5 162 x 229mm. 150gsm. Open End dengan Side Seam dan bercetak seperti Item 1	100,000 "
8.	Giant Manilla (Basket Weave) Envelopes 254 x 305mm. 150gsm. Open End dengan Side Seam dan bercetak seperti Item 1	100,000 "
9.	Giant Manilla (Basket Weave) Envelopes 305 x 406mm. 150gsm. Open End dengan Side Seam dan bercetak seperti Item 1	200,000 "
10.	Giant Manilla (Basket Weave) Envelopes 381 x 457mm. 150gsm. Open End dengan Side Seam dan bercetak seperti Item 1	75,000 "
11.	Manilla Envelopes 165 x 102mm. 75-80gsm. Open End dan Side Seam dengan Seal-Easi Adhesive atau quick seal dan tidak bercetak	750,000 "
12.	Manilla Window Envelopes DL 110 x 220mm. 75-80gsm. Wallet Cut dengan Side Seam dan bercetak seperti Item 1	1,000,000 "
13.	Conqueror High White Laid Envelopes DL 110 x 220mm. 120gsm. Wallet Cut dengan Side Seam dan bercetak seperti Item 1	150,000 "
14.	Conqueror High White Laid Envelopes 120 x 234mm. 120gsm. Wallet Cut dengan Side Seam dan bercetak seperti Item 1	100,000 "
15.	White Envelopes C4 324 x 229mm. 120gsm. Side Open dengan Side Seam dan bercetak seperti Item 1	100,000 "
16.	White Envelopes 381 x 254mm. 120gsm. Side Open dengan Side Seam dan bercetak seperti Item 1	100,000 "
17.	White Envelopes 8.5 x 11.5ins. 100gsm. Side Open dengan Side Seam dan tidak bercetak	100,000 "
18.	White Envelopes 10.5 x 13.5ins. 100gsm. Side Open dengan Side Seam dan tidak bercetak	150,000 "
19.	White Envelopes 251 x 178mm. 100gsm. Side Open dengan Side Seam dan bercetak seperti Item 1	50,000 "
20.	White Envelopes 191 x 140mm. 100gsm. Banker Cut dengan Side Seam dan bercetak seperti Item 1	100,000 "
21.	White Envelopes 191 x 140mm. 100gsm. Banker Cut dengan Side Seam dan tidak bercetak	50,000 "
22.	White Envelopes 152 x 89mm. 80gsm. Banker Cut dengan Side Seam dan tidak bercetak	50,000 "

PENENTUAN-PENENTUAN KHAS

- Semua Sampul Surat mestilah mempunyai lebih kurang 50mm. penutup. Ini adalah untuk membolehkan bagi dicetak Panji-Panji Kerajaan, nama-nama Kementerian atau Jabatan di atasnya.
 - Jenis serta penentuan yang ditawarkan, jika lain dari yang dikehendaki seperti yang ditetapkan hendaklah dimaklumkan. Bagaimanapun, penentuan yang ditetapkan adalah diutamakan.
 - TYPEFACE yang digunakan untuk mencetak "URUSAN KERAJAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA" hendaklah jenis GOUDY OLD STYLE dan ukuran (size) hendaklah mengikut jenis Sampul Surat seperti berikut:

DL 110 x 220mm. dan	—	14 Point Type
C5 162 x 229mm.	—	14 Point Type
254 x 305mm. dan	—	24 Point Type.
305 x 406mm.	—	24 Point Type.
381 x 457mm.	—	36 Point Type.
 - Garisan Kotak hendaklah menggunakan 2 point tebal (Line-Thickness).
- Tawaran yang diterima selepas dari tarikh ditutup tidak akan dilayan.
 - Semua tawaran hendaklah disertakan dengan contoh kertas, Cap atau Brand Syarikat yang membuat serta keterangan-keterangan yang diperlukan di dalam borang tawaran yang disediakan. Kegagalan mengisikan keterangan-keterangan yang diperlukan tidak akan dipertimbangkan.
 - Jika ada tawaran yang dibuat selain daripada seperti yang ditetapkan, segala penentuan (specifications) mengenai Sampul Surat tersebut hendaklah dinyatakan dengan terang beserta contoh-contoh sekali seperti yang dikehendaki.
 - Harga-harga tawaran hendaklah dihantar terus ke Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam, sementara contoh-contoh bolehlah dihantar kepada Pengarah Percetakan, Jabatan Percetakan Kerajaan, Kementerian Undang-Undang, Negara Brunei Darussalam. Semua contoh-contoh hendaklah dihantar tidak lewat jam 4.30 petang, hari Isnin 26 Oktober, 1987.
 - Semua harga tawaran adalah termasuk menghantar serta menyusun Sampul Surat yang dibekalkan ke Stor Jabatan Percetakan Kerajaan, Kementerian Undang-Undang, di Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam. Harga-harga yang ditawarkan adalah harga-harga pembekalan yang sebenar tanpa mempunyai sebarang syarat seperti tempoh sah harga (Price Validity) atau sebagainya. Sebarang cukai jika ada, atau

penyewaan gudang dan lain-lain bayaran adalah atas perbelanjaan pembekal sendiri seperti mana mengikut Surat Keliling Jabatan Perbendaharaan Bil. 12/1987. Tempoh keputusan tawaran tidak dapat ditentukan. Penukaran harga selepas pemberitahuan tidak akan dilayan.

vii. Tawaran hendaklah dihantar di dalam sampul surat yang bertutup dengan tidak ada tanda-tanda si pengirim dan hendaklah dialamatkan kepada:

Pengerusi Lembaga Tawaran
Kementerian Kewangan
Tingkat 4, Jalan James Pearce
Bandar Seri Begawan 1130
Negara Brunei Darussalam

dengan menanda di sampul surat itu: —

PEMBEKALAN SAMPUL SURAT 1988
JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN
KEMENTERIAN UNDANG-UNDANG
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(01/GP/18/87)

viii. Borang tawaran dan penentuan serta keterangan-keterangan lanjut bolehlah diperoleh dari Jabatan Percetakan Kerajaan, Kementerian Undang-Undang, di Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

ix. Cagaran tawaran sebanyak \$2,000.00 atas nama Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hendaklah dibayar di Pejabat Perkhidmatan-Perkhidmatan Kewangan, Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam. Borang-borang tawaran cuma akan diberikan setelah wang cagaran dijelaskan dengan menunjukkan resit pembayaran. Salinan resit hendaklah disertakan bersama di dalam tawaran yang dihadapkan. Cagaran akan dikembalikan kepada penawar-penawar yang tidak berjaya sebaik saja keputusan diterima. Kepada pembekal-pembekal yang berjaya, wang cagaran cuma akan dikembalikan sebaik saja pembekalan penuh dibuat.

x. Syarikat yang berjaya adalah dikehendaki mengikut perjanjian (kontrak) dan ber-setuju membekalkan dengan harga seperti yang ditawarkan serta dalam tempoh masa yang ditetapkan seperti berikut: —

- 50% dihantar dalam tempoh 60 hari dari tarikh tawaran dimaklumkan.
- 50% dihantar dalam tempoh 45 hari selepas penghantaran pertama.

Di samping itu juga syarikat yang berjaya akan ber-setuju bagi membekalkan, jika ada pembelian tambahan, dengan harga seperti yang ditawarkan dalam tempoh masa tahun pembekalan.

xi. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah berhak menolak tawaran atau mengenakan sebarang denda yang berpatutan bagi pembekalan yang lambat iaitu dikira dari tarikh penghantaran pertama seperti yang ditentukan atau membatalkan perjanjian (kontrak) dengan pembekal pada bila-bila masa tanpa pemberitahuan atau notis. Mana-mana pembekal yang didapati tidak mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan atau tidak menepati tarikh penghantaran, sebagai tambahan, Jabatan ini akan membuat laporan penuh mengenai kegagalan tersebut kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam untuk tindakan lanjut.

xii. Syarikat-syarikat yang berjaya dikehendaki menandatangani satu perjanjian (kontrak) dengan Pengarah Percetakan serta ber-setuju mengikut syarat-syarat dan peraturan-peraturan Kerajaan yang ada pada masa ini.

xiii. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk memilih tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran dan adalah berhak mengurangkan atau menambah bilangan banyak yang diperlukan.

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN TELEKOM KEMENTERIAN PERHUBUNGAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

P2149

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong kelas A, B atau C yang berdaftar dengan Jabatan Telekom. 2. Tawaran adalah bagi, Instal Concrete Encase Duct Route, Manhole/FIB's Metal Poles & D.P's. Excavation, Laying & Hauling Cable in Duct.

3. Tawaran-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Perhubungan, Tingkat 1, Bangunan Sekretariat, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat pada jam 12.00 tengah hari, hari Rabu 21 Oktober, 1987.

4. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar di dalam sampul surat biasa dan hendaklah bertutup dan hanya bertanda "TAWARAN PROJECT NO. 2149, DUCT ROUTE AND CABLE LAYING — LAND-LESS CITIZENS SCHEME, TELISAI, TUTONG."

5. Dokumen-dokumen tawaran serta penerangan lanjut mengenai tawaran bolehlah diperoleh dari Pejabat Pengarah Telekom, Jalan Istana Darussalam dengan cagaran tawaran sebanyak \$100.00 yang mana cagaran ini akan dikembalikan kepada tawaran yang tidak berjaya.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka

Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang termurah atau sebarang tawaran.

7. Perbincangan bersama dengan wakil Pengarah di tempat pemasangan/pembinaan adalah satu syarat yang di-mestikan bagi tawaran dan bakal pemborong-pemborong pada jam 9.30 pagi, hari Isnin 12 Oktober, 1987. Bertempat, Bangunan 'Telephone Exchange', Tutong.

Tawaran-tawaran tidak akan diterima dari pemborong-pemborong yang tidak hadir bagi perbincangan bersama ditempat pemasangan/pembinaan yang telah ditetapkan.

W1014

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong kelas A, B atau C yang berdaftar dengan Jabatan Telekom. 2. Tawaran adalah bagi, Construction of Outside Plant for Areas 15 and 16 Kuala Belait Phase II.

3. Tawaran-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Perhubungan, Tingkat 1, Bangunan Sekretariat, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat pada jam 12.00 tengah hari, hari Rabu 21 Oktober, 1987.

4. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar di dalam sampul surat biasa dan hendaklah bertutup dan hanya bertanda "TENDER FOR CONSTRUCTION OF OUTSIDE PLANT FOR AREAS 15 AND 16 — KUALA BELAIT PHASE II."

5. Dokumen-dokumen tawaran serta penerangan lanjut mengenai tawaran bolehlah diperoleh dari Pejabat Pengarah Telekom, Jalan Istana Darussalam dengan cagaran tawaran sebanyak \$300.00 yang mana cagaran ini akan dikembalikan kepada tawaran yang tidak berjaya.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang termurah atau sebarang tawaran.

7. Perbincangan bersama dengan wakil Pengarah di tempat pemasangan/pembinaan adalah satu syarat yang di-mestikan bagi tawaran dan bakal pemborong-pemborong pada jam 9.30 pagi hari Selasa 13 Oktober, 1987. Bertempat, di Jabatan Telekom, Kuala Belait.

Tawaran-tawaran tidak akan diterima dari pemborong-pemborong yang tidak hadir bagi perbincangan bersama ditempat pemasangan/pembinaan yang telah ditetapkan.

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. PENOLONG PENJADUAL

(Bilangan Kod : 097 08-321)

(Di Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan)

Tanggagaji : C. 1 EB. 2 — \$1280-\$1930 sebulan.

Kelayakan :

- i) Ordinary National Diploma (OND) dalam Computer Studies atau kursus yang sebanding dalam penjadualan (programming) serta mempunyai dua tahun pengalaman dalam kerja-kerja Pembantu Penjadual.

ATAU

- ii) Sijil Penuh Peringkat Lanjutan Sijil Am Pelajaran serta tiga tahun pengalaman dalam kerja-kerja penjadualan (programming).

ATAU

- iii) Empat mata pelajaran peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya serta lima tahun pengalaman dalam kerja-kerja penjadualan (programming).

- b) Pengalaman dalam bahasa komputer COBOL dan RUPG II akan diberi keutamaan.

2. KETUA JURUTERA MAKMAL

(Bilangan Kod : 004 05-433)

(Di Jabatan Pertanian, Kementerian Pembangunan)

Tanggagaji : C. 3-4 EB. 5 — \$1990-\$2970 sebulan.

Kelayakan :

- i) Diploma Kebangsaan Tertinggi dalam jurusan teknologi makmal atau yang sebanding dengannya.

ATAU

- ii) Sijil Tertinggi Kebangsaan dalam jurusan pentadbiran makmal atau yang sebanding dengannya dan berpengalaman tidak kurang dari lima tahun sebagai Juruteknik Makmal Kanan dalam makmal diagnostik.

- b) Dapat menguasai bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

- a) Membantu tugas-tugas ketua unit dan menjalankan tugas-tugasnya semasa ketiadaannya jika diarahkan.
- b) Menguruskan dan mengawasi tugas-tugas dan kegiatan makmal, menyediakan perbekalan dan keperluan tahunan, dan membuat catatan-catatan dan laporan makmal di samping menjalankan tugas-tugas harian membuat rujukan dan laporan 'laboratory findings'.

3. KERANI PERAKAUNAN TINGKAT II

(Bilangan Kod : 102 33-124)

(Di Kementerian Kewangan)

Tanggagaji : C. 1-2 EB. 3 — \$1280-\$2270 sebulan.

Kelayakan :

- i) Dua mata pelajaran di Peringkat Lanjutan dan tiga mata pelajaran di Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.
- ii) Berpengalaman bekerja dalam soal-soal perakaunan tidak kurang dari tiga tahun.
- iii) Mempunyai kelulusan Peringkat Pertama L.C.C. R.S.A. atau yang sebanding dengannya adalah satu kelebihan.

ATAU

- i) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Kerani Tingkatan III tidak kurang dari lima tahun.

- ii) Lulus Peperiksaan Kerani-kerani Rendah.

- iii) Berpengalaman dalam bidang simpan kira dan bank.

- iv) Mempunyai kelulusan dalam Peringkat Pertama Simpan Kira dan Peraturan Pejabat Peringkat Menengah dari peperiksaan L.C.C., R.S.A. atau yang sebanding dengannya serta memiliki Sijil mengikuti kursus mengendalikan Word Processor adalah satu kelebihan.

- b) Berpengalaman dalam membuat kerja-kerja yang berkaitan dengan percaikan, stamp-duty dan mengetahui serba sedikit Akta-akta Percukaian Stamp-duty dan Companies (Authorised Auditors) Rules, adalah lebih diutamakan.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

- a) Membantu Pegawai-pegawai atasannya dalam mengendalikan kerja-kerja dan penyediaan kira-kira lembaga atau perangkaan bank-bank negara ini.
- b) Akan menyediakan kira-kira akhir akaun Lembaga Matawang serta mengendalikan penggunaan Computer Work Processor dan Telex, adalah salah satu tugas utama mereka.

4. PEMBANTU TEKNIK KANAN

(Bilangan Kod : 004 03-992)

(Di Jabatan Pertanian, Kementerian Pembangunan)

Tanggagaji : C. 2 EB. 3 — \$1450-\$2270 sebulan.

Kelayakan :

- a) Mestilah beragama Islam.

- b) i) Higher National Certificate dalam jurusan Keturuteraan Mekanik atau yang sebanding dengannya.

ATAU

- ii) — Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Pembantu Teknik dalam jurusan yang bersesuaian tidak kurang dari lima tahun.

- Berpengalaman yang luas dalam bidang mekanik terutamanya di bidang pemeliharaan dan pengendalian pusat-pusat penyembelihan ternakan serta mempunyai Boiler Chargemen's Certificate.
- Berpengalaman prestasi kerja yang baik.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

Menjalankan tugas-tugas pemeliharaan dan pengendalian Pusat Penyembelihan Ternakan, Mulaut termasuk pressure boilers, calorifiers and refrigeration equipment dan lain-lain yang berhubung dengannya.

5. PEMERIKSA LESEN-LESEN RAMPAIAN

(Bilangan Kod : 012 31-067)

(Di Jabatan Lembaga Kemajuan Ekonomi, Kementerian Kewangan)

Tanggagaji : C. 3-4 EB. 5 — \$1990-\$2970 sebulan.

Kelayakan :

- a) Higher National Diploma (HND) atau TEC Higher Diploma dalam bidang Pengurusan dan Pentadbiran Perniagaan, Undang-Undang atau Perakaunan atau kelulusan dan bidang yang berkaitan sebanding dengannya.

ATAU

- i) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian di Bahagian III tidak kurang dari lima tahun.

- ii) Mempunyai pengalaman bekerja dalam bidang pengurusan lesen-lesen rampaian atau yang berkaitan dengannya.

- b) Mestilah fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris serta memiliki keperibadian yang baik.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

- a) Membantu tugas-tugas bagi mengendalikan undang-undang Lesen Rampaian yang akan ditentukan oleh Pengarah Lembaga Kemajuan Ekonomi atau pegawai yang menjalankan tugas-tugas tersebut.

- b) Memproses permohonan-permohonan untuk mendapat Lesen Rampaian bagi pedagang kereta, stesen minyak; termasuk tempat-tempat menyimpan minyak dan benda-benda yang mudah terbakar sebelum dihadapkan kepada pegawai yang menjalankan tugas-tugas berkenaan.

- c) Melawat/Menyiasat ke tempat-tempat pedagang-pedagang kereta serta stesen menjual minyak termasuk tempat-tempat menyimpan minyak dan benda-benda yang mudah terbakar di semua daerah dalam Negara Brunei Darussalam dan seterusnya menyediakan laporan perkembangannya.

6. PENOLONG PEGAWAI PENERANGAN

(Bilangan Kod : 009 15-907)

(Di Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Bahagian Penerangan, Jabatan Perdana Menteri)

Tanggagaji : C. 2-3 EB. 4 — \$1450-\$2620 sebulan.

Di Dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. PENYELENGGARA STOR TINGKAT III :

(Bilangan Kod : 09 98 — 502).

(Di Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan-Perbekalan Negara, Kementerian Kewangan).

Tanggagaji : E. 2-3 EB. 4 — \$590-\$875 sebulan.

Kelayakan :

- a) Berumur di antara 30 hingga 45 tahun serta boleh menulis dan membaca.

- b) Berpengalaman sebagai Pemandu tidak kurang dari 10 tahun yang mana 5 tahun daripadanya sebagai Pemandu Tingkat I (satu).

- c) Mempunyai lesen memandu Kelas 3 dan 5 yang sah dan tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu serta boleh memperbaiki kerosakan-kerosakan kecil.

- d) Berpengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

- e) Berpengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

- f) Berpengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

- g) Berpengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

- h) Berpengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

- i) Berpengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

- j) Berpengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

- k) Berpengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

- l) Berpengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

- m) Berpengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

- n) Berpengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

- o) Berpengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

- p) Berpengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

Kelayakan :

- a) Higher National Certificate (HNC) dalam Komunikasi Massa atau kelulusan dan bidang yang berkaitan sebanding dengannya.

ATAU

- b) Diploma dalam Pelancongan, Fotografi, Mass Communication atau kelulusan dan bidang yang berkaitan sebanding dengannya.

ATAU

- c) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan dalam Bahagian III dalam kerja-kerja penerangan tidak kurang dari lima tahun.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

Memberikan penerangan atau ceramah-ceramah kepada orang ramai mengenai dasar-dasar dan maklumat berhubung dengan rancangan-rancangan Kerajaan, mengatur rancangan perjumpaan dan mengendalikan kursus-kursus sivik, majlis-majlis penerangan di seluruh negara. Dalam menjalankan tugasnya hendaklah mempunyai inisiatif sendiri di samping usaha sama dan bekerja secara berpasukan.

Am :

Pemohon-pemohon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan :

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod yang berkenaan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan-pemohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama permohonan itu satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan 2001, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 28 Oktober, 1987.

Bilangan Pendaftaran : 96/1987

(E/1869/85)

kayu dan alat-alat yang menggunakan tenaga elektrik serta mengetahui jenis-jenis kayu dan tahu membuat perkiraan mengenai kayu adalah merupakan satu kelebihan.

4. ATENDEN PERPUSTAKAAN :

(Bilangan Kod : 096 19 — 122).

(Di Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Kementerian Pembangunan).

Tanggagaji : E. 1-2-3 EB. 4 — \$515-\$875 sebulan.

Kelayakan :

- a) Berumur di antara 18 hingga 30 tahun.

- b) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.

- c) Boleh menguasai dua bahasa (satu daripadanya Bahasa Melayu) adalah diutamakan.

- d) Boleh menguasai dua bahasa (satu daripadanya Bahasa Melayu) adalah diutamakan.

- e) Boleh menguasai dua bahasa (satu daripadanya Bahasa Melayu) adalah diutamakan.

- f) Boleh menguasai dua bahasa (satu daripadanya Bahasa Melayu) adalah diutamakan.

- g) Boleh menguasai dua bahasa (satu daripadanya Bahasa Melayu) adalah diutamakan.

- h) Boleh menguasai dua bahasa (satu daripadanya Bahasa Melayu) adalah diutamakan.

- i) Boleh menguasai dua bahasa (satu daripadanya Bahasa Melayu) adalah diutamakan.

- j) Boleh menguasai dua bahasa (satu daripadanya Bahasa Melayu) adalah diutamakan.

- k) Boleh menguasai dua bahasa (satu daripadanya Bahasa Melayu) adalah diutamakan.

- l) Boleh menguasai dua bahasa (satu daripadanya Bahasa Melayu) adalah diutamakan.

- m) Boleh menguasai dua bahasa (satu daripadanya Bahasa Melayu) adalah diutamakan.

- n) Boleh menguasai dua bahasa (satu daripadanya Bahasa Melayu) adalah diutamakan.

- o) Boleh menguasai dua bahasa (satu daripadanya Bahasa Melayu) adalah diutamakan.

- p) Boleh menguasai dua bahasa (satu daripadanya Bahasa Melayu) adalah diutamakan.

yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan :

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan kod yang bertentangan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan-pemohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan 2001, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 24 Oktober, 1987.

(Bilangan Pendaftaran :

(E/2125/85).

93/1987).

PEMBERITAHUAN JAWATAN-JAWATAN KOSONG

DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN

PEMBERITAHUAN TAWARAN

PENGELUARAN PERMIT-PERMIT BAS AWAM

PERJALANAN SUNGAI LIANG / SERIA

ADALAH dengan ini dimaklumkan bahawa Lembaga Melesen Pengangkutan Bermotor akan mengeluarkan dua (2) permit bas awam perjalanan Sungai Liang / Seria.

2. Orang-orang perseorangan, Syarikat-Syarikat Kerajaan atau Syarikat-Syarikat Tempatan di daerah atau di kawasan yang berkenaan sahaja yang berhak memohon bagi pertimbangan Lembaga Melesen Pengangkutan Bermotor. Pemohon-pemohon perseorangan atau ahli-ahli Syarikat hendaklah terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-

du Kelas 6 dan diakui sihat oleh Pegawai Perubatan Kerajaan;

c) Pemohon-pemohon hendaklah mencatatkan tambang-tambang bas yang akan dikenakan iaitu menurut kehendak di Muka 3 dalam borang permohonan;

d) Pemohon-pemohon hendaklah menyatakan jadual masa perjalanan bas; dan

e) Bas itu hendaklah dari jenis yang boleh memuat 17 orang penumpang tiap-tiap sebuah.

3. Mereka yang telah memohon tetapi tidak berjaya atau permohonan-permohonan mereka belum dapat dipertimbangkan kerana semasa mereka memohon itu belum ada kekosongan permit yang dimaksudkan, bolehlah memohon semula jika mereka mahu membuat demikian bagi pertimbangan Lembaga Melesen Pengangkutan Bermotor.

4. Semua permohonan hendaklah menggunakan borang-borang permohonan yang boleh didapati di Ibu Pejabat Pengangkutan Darat, Jalan Gadong dan Pejabat Pengangkutan Darat, Kuala Belait. Permohonan - permohonan mestilah sampai di Ibu Pejabat Pengangkutan Darat, Jalan Gadong, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari 14 Oktober, 1987. Permohonan-permohonan yang lewat diterima tidak akan dilayan.

KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA BILANGAN TAWARAN 21/1987

